

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**2019**

**HARI RABU : 27 MAC 2019**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**  
**DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH**  
**[ LEDANG ]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO.1**

Tuan Syed Ibrahim Bin Syed Noh [ Ledang ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan usaha dan peranan Kementerian dalam menangani gelandangan dan apakah bantuan yang diberikan kepada golongan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menangani isu gelandangan, Kementerian mengambil pendekatan secara menyeluruh (*holistic*) dengan penglibatan pelbagai kementerian dan agensi (*multi-sectoral*). Kementerian akan terus memperkemas dan memperkuatkan lagi tindakan bersepada pelbagai agensi yang telah dilaksanakan sebelum ini bagi memastikan golongan gelandangan dibantu dengan lebih berkesan. Kementerian turut mempunyai rakan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang membantu Yayasan Kebajikan Negara (YKN) melalui Anjung Singgah dan jumlah Rakan Anjung Singgah adalah sebanyak 186.

Antara usaha-usaha yang telah diambil bagi menangani isu golongan gelandangan adalah :

1. Operasi menyelamat orang papa di bawah Akta Orang-orang Papa (AOP) 1977 [Akta 183] seperti berikut:
  - a. **Operasi Serta Merta (Ad-Hoc)**  
Operasi dilakukan apabila terdapat aduan daripada orang awam sama ada melalui panggilan telefon ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah, Talian Kasih (15999) atau datang sendiri ke Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah dan sebagainya.
  - b. **Operasi Berjadual/Berkala**  
Operasi dilakukan secara berjadual/berkala di kawasan-kawasan yang didapati menjadi tumpuan (*Hot Spot*) yang telah dikenal pasti oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
  - c. **Operasi Bersepada**  
Operasi dilakukan secara bersepada dengan kerjasama agensi-agensi penguatkuasaan seperti Jabatan Imigresen Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kesihatan Malaysia, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan

## SOALAN NO. 1

Pendaftaran Negara dan agensi yang ada kaitan dengan gelandangan.

2. Kementerian ini telah mengambil inisiatif menubuhkan **Anjung Singgah** yang ditadbir oleh Yayasan Kebajikan Negara (YKN). Anjung Singgah merupakan sebuah pusat khidmat bantuan sosial membantu golongan gelandangan. Penekanan dalam aspek kaunseling, bimbingan dan motivasi dilaksanakan kepada penghuni bagi meningkatkan daya tahan dan daya juang dalam mengharungi cabaran kehidupan serta memangkin perubahan sikap dan tingkah laku. Dengan kapasiti 288 buah katil di lima (5) buah Anjung Singgah di seluruh Malaysia seramai 6,936 orang gelandangan telah mendaftar masuk secara sukarela sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2011. Daripada jumlah tersebut, seramai **5,022 orang telah mendapat padanan kerjaya** dan selebihnya dirujuk ke Agensi yang berkaitan.
3. Selain itu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui **Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur (PTGKL)** turut menerima hampir kesemua kategori gelandangan warganegara di Kuala Lumpur. Sehingga kini seramai 2,315 orang gelandangan telah mendaftar sebagai penghuni di PTGKL.
4. Seterusnya, **Program Rumah Bimbingan Gelandangan** telah dilaksanakan di Kuala Lumpur melalui kerjasama DBKL. Program ini melibatkan 20 buah unit rumah di Perumahan Awam Seri Negeri Sembilan dan Perumahan Awam Seri Selangor, Kuala Lumpur dengan kadar sewa RM1.00 sehari bagi seorang penghuni. Sehingga kini seramai 52 orang gelandangan merupakan penghuni Rumah Bimbingan Gelandangan ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT [ JERAI ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN : 2**

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah tindakan tegas yang diambil terhadap pengguna media sosial yang sewenangnya menghina agama Islam, hak istimewa orang Melayu dan Raja-Raja.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan daripada Ahli yang Berhormat seperti berikut kerana ianya menyentuh isu yang sama dan berkaitan iaitu **penyalahgunaan media sosial**..

- (i) **Soalan No. 6 [ 4 April 2019 ] – Dato' Haji Mohd Fasiah bin Haji Mohd Fakeh [ Sabak Bernam ]**
- (ii) **Soalan No. 60 [ 8 April 2019 ] – Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]**
- (iii) **Soalan No. 53 [ 9 April 2019 ] – Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [ Masjid Tanah ]**

## **SOALAN NO: 2**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dalam usaha untuk menjamin kebebasan bersuara rakyat Malaysia berdasarkan Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Walaubagaimanapun, seperti yang diamalkan di seluruh dunia, hak kepada kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak, dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada.
2. Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) dengan kerjasama pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) tidak akan berkompromi dan sentiasa komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara khususnya pihak yang menghina Institusi Beraja, perkauman dan agama.
3. Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa PDRM adalah antara instrumen perundangan khusus yang digunakan oleh pihak Kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta Institusi Beraja..
4. Pendakwaan juga boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian, berdasarkan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.
5. Langkah pengemaskinian serta penambahbaikan undang-undang akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN AHMAD BIN HASSAN  
(PAPAR)

TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)

**SOALAN NO. 3**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah kerajaan bercadang untuk memandatorikan garis panduan *occupational safety and health in construction industry* untuk setiap pemaju industri terutamanya sektor pembinaan mematuhi piawaian demi mengurangkan kejadian kemalangan waktu bekerja di tempat pembinaan.

PN-1412- L03064

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah menerbitkan *Guidelines of Occupational Safety and Health in Construction Industry (Management) 2017* (OSHCIM). Garis panduan ini menitik beratkan tanggungjawab semua pihak iaitu pemunya, pereka bentuk dan Pembina atau kontraktor di semua peringkat pembinaan sehingga ke peringkat perobohan.
2. Garis panduan ini dibangunkan berdasarkan prinsip *Prevention through Design* (PtD) dan *UK Construction (Design and Management) Regulations*, serta seiring dengan falsafah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP) yang meletakkan tanggungjawab untuk mengawal risiko kepada pihak yang mewujudkan risiko tersebut.
3. Menurut garis panduan OSHCIM ini, aspek keselamatan perlu diambil kira diawal proses perancangan. Dengan ini, risiko KKP di tapak pembinaan dapat dikenal pasti dan langkah-langkah kawalan awal dapat disediakan. Ini adalah langkah yang sangat berkesan bagi mengelakkan sebarang kemalangan dan insiden yang tidak diingini.

### **SOALAN NO: 3**

4. Selanjutnya, JKKP kini sedang menggubal Peraturan Kerja Bina di bawah AKKP yang akan mengambil alih keperluan yang dinyatakan dalam garis panduan OSHCIM, sekaligus akan menjadi mandatory kepada pemunya, pereka bentuk, Pembina dan kontraktor yang terlibat dalam industry pembinaan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji  
Nasarah [Lenggong]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : NO. 4**

**NO. 4**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan penstrukturran semula perjawatan awam bagi mengawal saiz perkhidmatan dalam sektor Kerajaan sejajar dengan dasar baharu Kerajaan untuk saiz mengecilkan perkhidmatan awam.**

**NO. 47**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [ Sibuti ] minta PERDANA MENTERI menyatakan sekiranya Kerajaan mahu mengurangkan penjawat awam, berapa jumlah ideal atau saiz penjawat awam yang akan dikekalkan dan adakah Kerajaan akan mengekalkan skim pencen bagi penjawat awam pada masa hadapan.**

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon untuk menjawab soalan ini secara bersekali dengan soalan dari **YB Tuan Lukanismen bin Awang Sauni [ Sibuti ] bertarikh 27 Mac 2019**, kerana ia membawa maksud dan isu yang hampir sama dengan soalan ini.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kini jumlah keseluruhan perjawatan perkhidmatan awam adalah sebanyak **1.7 juta jawatan dengan peratus pengisian sebanyak 94% bersamaan dengan 1.6 juta orang**, merangkumi perkhidmatan awam persekutuan, badan berkanun persekutuan, perkhidmatan awam negeri, badan berkanun negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Saiz perkhidmatan awam yang terlalu besar meningkatkan perbelanjaan mengurus kerajaan dan memberi kesan kepada peruntukan perbelanjaan pembangunan. Kerajaan berpendapat jumlah perjawatan ini boleh dikurangkan tanpa menjelaskan prestasi penyampaian perkhidmatan dan punca pendapatan pegawai yang terlibat.

Pengeciran saiz perkhidmatan awam tidak bermaksud pengurangan peluang pekerjaan. Pada tahun 1983 Dasar Penswastaan, kerajaan telah berjaya mengurangkan bebanan kewangannya, meninggikan kecekapan dan penghasilan kerja, malah menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sumber secara cekap.

Strategi ini masih relevan bagi menangani isu jumlah anggota perkhidmatan awam yang dilihat terlalu besar dan memberikan implikasi kewangan yang membebankan. Penumpuan harus diberikan kepada perkhidmatan **produktiviti dan penggunaan sumber tenaga secara optimum**. Kerajaan menjamin transisi tersebut tidak memberi kesan kepada perjalanan ataupun pengurusan negara.

## SOALAN NO. 4

Sehubungan itu, Kerajaan dalam proses untuk **menstruktur semula** jumlah perjawatan dalam perkhidmatan awam berdasarkan **kedudukan ekonomi negara dan perkembangan teknologi semasa** melalui pelbagai **kaedah** antaranya **kajian pertindihan fungsi** antara jabatan/agensi, **rasionalisasi perjawatan, pengoptimuman sumber manusia, serah urus fungsi (outsourcing), penyampaian perkhidmatan alternatif (Alternative Service Delivery), penswastaan, gabungan teknologi** dan **pengisian jawatan secara berhemah** mengikut keperluan.

Bagi memartabatkan perkhidmatan awam yang pernah dianggap sebagai sektor perkhidmatan awam terbaik di rantau ini, Kerajaan akan memastikan bakat terbaik dan pegawai berpotensi diletakkan di tempat sewajarnya seterusnya meningkatkan kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan awam.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Gabungan strategi pengurangan saiz perkhidmatan awam dan peningkatan produktiviti dijangka mampu menjana lebih banyak pendapatan kepada negara dan pada ketika itu, kerajaan bersedia untuk mempertimbangkan kenaikan gaji kepada penjawat awam.

Sehingga ke hari ini, banyak dasar telah ditambahbaik ke arah memastikan pemberian faedah persaraan kepada penjawat awam sentiasa cukup dan mematuhi **perkara 147 Perlembagaan Persekutuan iaitu Perlindungan Hak-hak Pencen**. Justeru itu, bagi penjawat awam dan pesara sedia ada, **Skim Pencen adalah dikekalkan**.

Walau bagaimanapun, bagi penjawat awam pada masa hadapan, Kerajaan sedang mengkaji Pembaharuan Perkhidmatan Awam secara menyeluruh termasuklah aspek pasca perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG [LANANG]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk memastikan Skim Bantuan Rebat Bil Elektrik RM40 dapat **membantu lebih banyak** keluarga memandangkan kebanyakan keluarga yang menerima rebat RM20 dahulu tidak layak berdaftar dalam E-Kasih.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Program Rebat Bil Elektrik Sehingga RM40 ini merupakan penambahbaikan kepada Program Rebat RM20. Program pada kali ini dilaksanakan secara bersasar iaitu kepada pengguna miskin tegar dan miskin yang berdaftar dengan program eKasih di bawah seliaan Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

2. Untuk makluman, hanya 37% penerima rebat bil elektrik RM20 sebelum ini adalah tersenarai dalam eKasih yang dikategorikan sebagai miskin dan miskin tegar. Ini bermakna 63% penerima adalah tidak layak menerima rebat di bawah program baharu ini kerana tidak termasuk dalam senarai miskin dan miskin tegar.

Sekian, terima kasih.

**NO. SOALAN: 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**PERTANYAAN : TUAN NIK MOHD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ BACHOK ]**

**TARIKH : 27.03.2019 (RABU)**

**NO. SOALAN: 6**

**Tuan Nik Mohd Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Bachok]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah mengatasi peningkatan harga makanan di bandar-bandar utama yang memberi kesan kepada golongan B40 yang menetap di situ.

**PERTANYAAN : LISAN**

**PERTANYAAN : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD [ MERSING ]**

**TARIKH : 27.03.2019 (RABU)**

**NO. SOALAN: 49**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [ Mersing ]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengawal kenaikan harga barang supaya rakyat tidak terbeban.

**PERTANYAAN : LISAN**

**PERTANYAAN : DATO' HAJI SALIM SHARIF [ JEMPOL ]**

**TARIKH : 28.03.2019 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN: 12**

Dato' Haji Salim Sharif [ Jempol ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan impak sistem percukaian Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) terhadap kenaikan harga barang keperluan dan apakah mekanisme terbaik bagi mengawal harga barang daripada terus meningkat dalam usaha untuk mengurangkan beban rakyat.

**PERTANYAAN : LISAN**

**PERTANYAAN : TUAN HASANUDDIN BIN MOHD YUNUS  
[ HULU LANGAT ]**

**TARIKH : 28.03.2019 (KHAMIS)**

**NO. SOALAN: 35**

Tuan Hasanuddin Bin Mohd Yunus [ Hulu Langat ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kerajaan bagi mengawal kenaikan harga barang utama negara.

PERTANYAAN : LISAN

PERTANYAAN : DATO'SRI BUNG MOKHTAR BIN RADIN  
[ KINABATANGAN ]

TARIKH : 3.4.2019 (RABU)

**NO. SOALAN: 61**

Dato'Sri Bung Mokhtar Bin Radin [ Kinabatangan ] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan :

- (a) Apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kementerian dalam memantau kenaikan harga barang; dan
- (b) Berapakah jumlah peniaga yang telah dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Terlebih dahulu izinkan **saya menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan lain** daripada **Yang Berhormat Mersing** pada hari ini, **Yang Berhormat Jempol** dan **Yang Berhormat Hulu Langat** pada 28 Mac 2019, **Yang Berhormat Kinabatangan** pada 3 April 2019.

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan sistem **ekonomi pasaran bebas** dan **terbuka** di mana **kuasa pasaran (market forces)** berperanan sebagai faktor penentu kepada turun naik harga barang di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan harga barang di pasaran.

## NO. SOALAN: 6

Terdapat beberapa **faktor lain** yang turut menyumbang kepada perubahan harga barang di pasaran, antaranya adalah:

- i. faktor permintaan dan penawaran;
- ii. peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- iii. kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama Dunia;
- iv. peningkatan harga minyak mentah dunia terutamanya petroleum;
- v. sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan;
- vi. kegiatan kartel dan monopolii; dan
- vii. peningkatan kos pengeluaran.

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara yang ditubuhkan dibawah KPDNHEP berfungsi sebagai badan utama bagi menangani isu-isu kenaikan kos sara hidup dengan lebih efektif melalui kerjasama strategik merentasi sektor awam dan swasta agar segala inisiatif yang dirancang dapat dilaksanakan secara holistik dan bersepadau serta mencapai impak yang lebih maksimum demi menjaga kepentingan rakyat secara keseluruhannya.

Kementerian ini juga turut mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat khususnya berkaitan harga barang. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup rakyat oleh Kementerian adalah seperti berikut:

- i. Memperluaskan inisiatif Foodbank Malaysia ke Institut Pengajian Tinggi di seluruh Malaysia bagi membantu graduan - graduan yang kurang berkemampuan dan masih meneruskan pemberian ke golongan yang kurang berkemampuan.
- ii. Memanjangkan tempoh kawalan harga bagi **Skim Kawalan Harga Musim Perayaan** pada musim-musim perayaan utama;

## NO. SOALAN: 6

- iii. Mencadangkan supaya menambah bilangan barang keperluan di dalam senarai barang kawalan yang ditetapkan oleh KPDNHEP;
- iv. mewujudkan **Skuad Tindakan Aduan dan Resolusi (STAR)** dan **Special Action Squad (SAS)** untuk menyelesaikan aduan rakyat dengan **cepat dan pantas**;
- v. menjalankan **pemantauan harga barang keperluan asas di seluruh negara** di bawah **Program Pemantauan Harga oleh Pegawai Pemantau Harga Kementerian**;
- vi. mempromosikan **medium interaktif** bagi memudahkan rakyat mengemukakan aduan, contohnya aplikasi mobil **Ez Adu**.
- vii. Memberikan kelonggaran bagi peniaga mengadakan Jualan Murah dengan melonggarkan pra syarat bagi melakukan Jualan Murah.

Justeru itu, dengan pelaksanaan inisiatif – inisiatif ini, Kementerian berharap, usaha-usaha ini akan dapat membantu memastikan peniaga tidak menaikkan harga barang dengan sewenang-wenangnya dan seterusnya menangani isu melibatkan bebanan kos sara hidup yang dihadapi rakyat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M  
PARAMESWARAN [ BATU ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 7**

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan peperiksaan bagi murid tahap 1 yang merangkumi murid darjah 1, 2 dan 3 sejajar dengan rancangan pemansuhan pada tahun 2019. Kementerian menjustifikasi tahap ilmu pendidikan yang diterima oleh seseorang pelajar jika pemansuhan ini dilaksana dan bagaimana cara fungsi empat komponen Pentaksiran Berasas Sekolah (PBS). Adakah program percontohan (*pilot program*) telah dilaksana? Jika tidak, adakah program percontohan akan dilakukan terlebih dahulu sebelum perkara ini dilaksana secara menyeluruh bagi mengenal pasti kebaikan dan keburukan yang bakal dihadapi oleh pelajar dan guru.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Keputusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memansuhkan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun murid sekolah rendah Tahap 1 adalah selari dengan konsep pembelajaran berorientasikan perkembangan murid. Hal ini, bagi membolehkan guru memberi lebih fokus kepada tugas mendidik dan menyemai nilai-nilai murni dalam diri murid.

Untuk makluman, pemansuhan amalan peperiksaan pertengahan tahun dan akhir tahun bagi murid sekolah rendah Tahap 1 adalah berkait rapat dengan amalan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS). PBS yang mula dilaksanakan untuk murid Tahun Satu pada tahun 2011 merupakan satu bentuk pentaksiran yang bersifat holistik dan menyeluruh yang dapat melaporkan kejayaan dan pencapaian murid melalui aspek yang dinilai iaitu aspek kognitif (intelek), afektif (emosi dan rohani) dan psikomotor (jasmani) selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Melalui PBS, empat (4) kaedah atau komponen pengumpulan maklumat murid diketengahkan iaitu:

1. Pentaksiran Bilik Darjah (PBD);
2. Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK);
3. Pentaksiran Psikometrik (PPsi); dan
4. Pentaksiran Pusat (PS).

Walau bagaimanapun Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum, Pentaksiran Psikometrik dan Pentaksiran Pusat tidak dibuat bagi murid Tahap I.

Maklumat murid yang dikumpul melalui empat (4) komponen PBS ini dapat melengkapkan profil murid yang merangkumi pelibatan atau penyertaan, perkembangan dan pencapaian. Melaluinya, guru dapat membuat penambahbaikan proses pembelajaran dan ibu bapa pula dapat menentukan bentuk sokongan yang boleh disumbangkan kepada sekolah.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat berkaitan dengan pelaksanaan ujian rintis, KPM ingin memaklumkan bahawa *template* pelaporan PBD Tahap 1 sedang diuji rintis di sekolah untuk mendapat maklum balas daripada guru dan ibu bapa.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN. HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 8**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dapatkah Kementerian membekalkan 2 buah “dental chair unit” yang baru kepada Hospital Limbang disebabkan “dental chair unit” sedia ada sudah lama, uzur, rosak dan memerlukan kos pembaikan yang tinggi untuk dibaik pulih.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Untuk makluman, Klinik Pergigian di Hospital Limbang mempunyai tiga (3) *Dental Chair Cum Unit* (DCCU) sedia ada spesifikasi Pegawai Pergigian. Dua (2) daripada DCCU tersebut telah diganti pada 2014. DCCU ketiga akan diganti pada tahun ini (2019). Berikut adalah maklumat terperinci berkenaan DCCU tersebut:

- i. Dua (2) dari tiga (3) DCCU telah dibuat penggantian pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, kompressor bagi kedua-dua DCCU tersebut mengalami kerosakan dan dalam proses perolehan untuk penggantian. Untuk makluman kompressor adalah alat penting untuk menjalankan DCCU; dan
- ii. DCCU yang ketiga telah rosak dan usang serta tidak dapat diganti kerana tiada lagi alat ganti dalam pasaran. Peruntukan telah diluluskan untuk penggantian DCCU tersebut dan dalam proses perolehan bagi tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN** : **JAWAB LISAN**

**DARIPADA** : **TUAN ALI ANAK BIJU [ SARATOK ]**

**TARIKH** : **27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN** : **9**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berkenaan dengan status kelulusan terkini penyaluran peruntukan MPKK di negeri Sarawak. Adakah pihak Kementerian akan terus mengguna pakai JKKK yang kini masih diamalkan di kampung dan rumah panjang di seluruh Sarawak.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) mengambil maklum mengenai hasrat Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengekalkan istilah JKKK untuk Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, dalam hal ini, Kementerian telah menetapkan bahawa bagi sebarang urusan dengan Kerajaan Persekutuan berkaitan Elaun dan Geran, Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang Negeri Sarawak hendaklah menggunakan nama MPKK mengikut prosedur di semua negeri.

Selepas pengesahan rasmi senarai MPKK Sarawak diterima daripada Kerajaan Negeri, KPLB telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM4.69 juta kepada Kerajaan Negeri Sarawak bagi tujuan pembayaran Elaun MPKK Negeri Sarawak. Manakala, bagi tujuan penyaluran peruntukan Geran, pihak KPLB memerlukan Badan Pengurusan Kampung dan Rumah Panjang Negeri Sarawak untuk menyediakan akaun bank atas nama MPKK selaras dengan prosedur yang telah ditetapkan oleh KPLB bagi semua negeri di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**  
**[JASIN]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 10**

**Y.B. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH [ JASIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sebab-sebab projek turnkey MRT2 & LRT3 diberikan secara runding terus dan tidak dibuat secara tender terbuka, sepertimana yang diwar-warkan oleh Kerajaan, menghuraikan perbandingan spesifikasi dan kos projek di bawah PH dan semasa di bawah BN serta benarkah kos sekilometer di bawah PH lebih mahal berbanding di bawah BN.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat,

Sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, Kerajaan telah mengambil pendekatan menyeluruh dalam usaha untuk mengurangkan kos projek infrastruktur seperti MRT2 dan LRT3 dan pada masa yang sama memastikan kedua-dua projek ini dapat disiapkan dan memberi manfaat kepada rakyat. Kerajaan juga mengamalkan prinsip integriti dan telus termasuk menggalakkan konsep tender terbuka bagi membuka peluang sama rata dan adil kepada semua pihak dan mampu meningkatkan kecekapan pihak berkaitan dalam menawarkan perkhidmatan terbaik dengan kos berpatutan.

Kerajaan telah mengambil inisiatif penting dalam berunding dan mencapai persetujuan dengan pihak kontraktor untuk mengurangkan kos dan meminda terma-terma perjanjian yang tidak menguntungkan Kerajaan dan rakyat yang ditandatangani semasa pentadbiran Kerajaan terdahulu khususnya bila harga projek dianggap terlalu tinggi (inflated prices). Keputusan membatalkan kontrak tertakluk kepada harga yang boleh dikurangkan, mutu kerja yang dijalankan dan sama ada wujudnya unsur-unsur salah laku atau penyelewengan yang mempertikaikan integriti dan kredibiliti kontrak yang ditandatangani. Lagipun keyakinan terhadap Kerajaan menghormati perjanjian yang ditandatangani dan perkara yang mungkin dihadapkan ke mahkamah adalah juga faktor yang perlu diambil kira. Sekiranya pemotongan harga yang munasabah boleh dicapai dengan mutu kerja yang terjamin, maka sesuatu projek boleh dipertimbangkan untuk diteruskan. Lagipun, pemotongan atau pengurangan harga juga mesti melebihi sebarang kos pampasan/ganti rugi yang perlu dibayar sekiranya kontrak dibatalkan. Formula paling baik adalah mencapai pemotongan harga yang munasabah tertakluk kepada mutu kerja yang terjamin. Ini dicapai dalam projek LRT3 dan MRT2 dengan pengurangan kos keseluruhan sebanyak RM23.84 bilion yang akan menguntungkan rakyat Malaysia.

**Projek LRT3**

Bagi projek LRT 3, melalui perbincangan dengan kontraktor sedia ada, projek ini akan diteruskan dengan kos keseluruhan sebanyak RM16.63 billion. Perbincangan, rundingan dan usaha rasionalisasi telah berjaya mengurangkan kos per kilometer dan seterusnya kos keseluruhan kepada RM16.63 bilion

daripada kos asal RM31.65 billion. Kemajuan projek adalah 7% siap semasa rundingan semula kontrak diadakan.

### Projek MRT2

Perubahan struktur projek bagi pembinaan MRT Laluan Sungai Buloh-Serdang-Putrajaya (MRT2) serta langkah-langkah rasionalisasi yang berkaitan telah berjaya mengurangkan kos projek sebanyak RM8.82 bilion.

Kerajaan turut mengambil pendekatan untuk tidak membatalkan dan menender semula kontrak kerana ini akan mengakibatkan bayaran pampasan, kenaikan kos pembinaan dan juga kelewatan dalam pembinaan projek. Untuk makluman Yang Dipertua, kemajuan projek telah mencapai 36.6% siap apabila rundingan semula kontrak dipersetujui.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG TACK [ BENTONG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 11**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan punca dan langkah-langkah yang telah diambil untuk menangani masalah di Hospital Bentong yang sehingga hari ini tidak mempunyai walau seorang pun Doktor Pakar. Bilakah masalah ini dapat diselesaikan

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kenyataan Ahli Yang Berhormat bahawa di Hospital Bentong tidak mempunyai walau seorang doktor pakar adalah kurang tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hospital Bentong merupakan hospital yang dikategorikan sebagai Hospital Pakar Minor.

Sehingga 31 Januari 2019, jumlah Pegawai Perubatan Pakar pelbagai gred yang ditempatkan di Hospital Bentong adalah seramai lima (5) orang dan terdiri daripada pakar mengikut pecahan bidang seperti berikut:

- i. Bidang Kecemasan dan Pesakit Luar;
- ii. Bidang Perubatan Dalaman; dan
- iii. Bidang Psikiatri dan Kesihatan Mental.

Pengisian Pakar Perubatan sedia ada di Hospital Bentong ini telah menunjukkan pertambahan dari segi pengisian berbanding pada Januari 2016 iaitu hanya seramai dua (2) orang pakar sahaja.

Selain daripada itu, perkhidmatan kepakaran tambahan di Hospital Bentong seperti Pediatrik, Surgeri Am, Obstetrik dan Ginekologi, Ortopedik, Otorinolaringologi, Oftalmologi dan Kardiologi diberikan oleh Hospital Kuala Lipis, Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan, Hospital Serdang dan Selayang masing-masing mengikut jadual yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI  
ABD. MUTTALIB [MARAN]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN : 12**

**DATO' SRI DR. HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD. MUTTALIB [MARAN]**  
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa ramai daripada rakyat Malaysia yang telah dikenakan tindakan mengikut Akta Berita Palsu termasuk mereka yang mengeluarkan kata-kata menghina Raja dan lain-lain bentuk penghinaan yang menyentuh sensitiviti agama dan bangsa negara ini.

**JAWAPAN :** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang Di-Pertua,

Terima kasih kepada YB atas soalan yang baik ini.

Untuk makluman YB, tiada rakyat Malaysia yang didakwa di bawah Akta AntiBerita Tidak Benar 2018 (Akta 803) sejak ia dikuatkuasakan pada 11 April 2018.

Sepertimana yang YB maklum, Akta 803 telah diluluskan di dewan Rakyat bagi dimansuhkan tetapi malangnya pemansuhan Akta tersebut tidak dapat dilakukan sehingga kini kerana Dewan Negara telah gagal meluluskan pemansuhannya.

Secara teknikal sehingga pemansuhan Akta tersebut berkuatkuasa, Akta tersebut, dari segi perundangan masih boleh dikuatkuasakan. Namun, memandangkan Kerajaan PH adalah Kerajaan yang mendukung prinsip “Rule of Law” tiada mana-mana siasatan jauh sekali pendakwaan dilakukan ke atas mana-mana orang di bawah Akta 803.

Ini juga tidak bermakna pihak Kerajaan bertoleransi terhadap penyebaran berita-berita tidak benar termasuklah penghinaan ke atas Nabi atau mana-mana agama ataupun penghinaan ke atas Raja atau Institusi Raja.

Sepertimana yang YB maklum, terdapat siasatan dan pendakwaan ke atas pihak-pihak tertentu di bawah berbagai Akta yang lain terhadap jenayah penghinaan ke atas Nabi, penghinaan ke atas agama, dan juga penghinaan kepada Raja, sama ada di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 atau Kanun Keseksaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA  
[ SUNGAI BESAR ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 13**

**Tuan Muslimin bin Yahaya [ Sungai Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan untuk menyegerakan proses pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam kerana mengikut laporan dari Jabatan Kerja Raya bangunan sementara yang didiami sekarang sudah tidak selamat dan telah lebih tempoh untuk diduduki.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa projek pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam telah diluluskan pelaksanaannya pada tahun 2017 di bawah *Rolling Plan* Kedua (RP2), Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Projek ini dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia. Status terkini, kerja-kerja ukur tanah telah selesai dijalankan pada bulan Oktober 2018. Pihak JKR sedang dalam proses penyediaan reka bentuk akhir dan tawaran tender projek ini dijangka akan dibuat pada bulan Oktober 2019.

Sekian, terima kasih

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN**  
**KAWASAN : KUALA KRAI**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) berapa lamakah kontrak yang diperoleh oleh syarikat Roadcare untuk pembaikan jalan, berapakah kos yang ditanggung Kerajaan dan berapakah negeri yang terlibat ; dan
- (b) adakah pihak Kementerian berpuas hati dengan khidmat yang dijalankan oleh syarikat tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri-negeri di bawah tanggungjawab syarikat konsesi Roadcare (M) Sdn. Bhd. bagi penyenggaraan jalan Persekutuan ialah negeri Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang. Tempoh kontrak penswastaan bagi penyenggaraan jalan Persekutuan syarikat konsesi Roadcare (M) Sdn. Bhd. bermula dari **5 April 2018 sehingga 15 Februari 2026.**

Kos penyenggaraan rutin adalah sebanyak **RM1,712** per kilometer per bulan dengan anggaran panjang jalan sebanyak **7,457.94 kilometer** menjadikan anggaran kos sebanyak **RM153.22 juta** setahun. Walau bagaimanapun, bayaran bulanan tertakluk kepada jumlah panjang jalan sebenar yang disenggara dan tidak termasuk jalan Persekutuan yang terlibat dalam projek menaiktaraf yang dilaksanakan secara berasingan.

Manakala bagi penyenggaraan berkala pula seperti turapan jalan, pembaikan *guardrail* dan mengecat semula garisan jalan, pelaksanaan kerja-kerja tersebut dilaksanakan oleh syarikat konsesi berdasarkan **Arahan Kerja** yang ditentukan oleh Kementerian Kerja Raya **mengikut keutamaan** dengan **mengambil kira faktor keperluan dan peruntukan yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan.**

Bagi memastikan perkhidmatan yang disediakan mencapai tahap kualiti yang telah ditetapkan sepertimana di dalam kontrak, Kementerian sentiasa melakukan pemantauan serta pengawasan bagi setiap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi Roadcare (M) Sdn. Bhd.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO**  
**[KLANG]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 15**

**Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO [ KLANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kelestarian (sustainability) Skim Mysalam apabila dana RM2 billion habis selepas 5 tahun dan berapa banyak syarikat insurans telah bersetuju menyertai skim tersebut.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skim MySalam menyediakan perlindungan takaful percuma kepada penerima Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSHR) yang berumur antara 18 hingga 55 tahun, termasuklah pasangan masing-masing. Skim ini akan dibiayai oleh industri insurans dan takaful. Dana permulaan berjumlah RM2 bilion telah disumbangkan oleh Great Eastern Holdings Ltd. di bawah satu tabung amanah mySalam. Dana mySalam dijangka mampu membiayai skim MySalam untuk tempoh selama 5 tahun. Pelanjutan tempoh dan gologan sasaran pembiayaan adalah dalam perbincangan bergantung kepada penyertaan syarikat insurans dan takaful yang lain dalam skim ini.
2. Produk perlindungan ini akan diuruskan pada harga kos dan segala keuntungan akan dikembalikan kepada skim tersebut. Pada masa ini, Kementerian Kewangan dan Bank Negara Malaysia (BNM) sedang dalam proses perundingan bersama beberapa syarikat insurans dan pengendali takaful lain untuk serta terlibat dalam skim ini. Hasrat Kerajaan adalah supaya golongan isi rumah B40 memahami tentang faedah insurans dan takaful melalui skim mySalam. Ini akan dapat menggalakkan golongan sasaran untuk melanggani Produk Perlindungan Tenang yang dilancarkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2017 yang mudah dan mampu dimiliki.
3. Sebagai permulaan, skim ini akan dikendalikan oleh Great Eastern Takaful Berhad yang merupakan sebuah pengendali takaful yang dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE [ KOTA TINGGI ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 16**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [ Kota Tinggi ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat manakah Kerajaan memastikan penjawat awam ini tidak terbeban dengan masalah kewangan hutang peribadi dan pinjaman dari ahlong yang mencekik darah.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap kebajikan penjawat awam dalam menangani kos sara hidup dan keberhutangan serius. Selain pemberian imbuhan tetap dan pelbagai jenis elaun termasuk Bantuan Sara Hidup (COLA), Imbuhan Tetap Perumahan (ITP), Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA), Imbuhan Tetap Keraian dan lain-lain elaun serta bayaran insentif berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan, Kerajaan juga menyediakan kemudahan kewangan yang lain seperti pembiayaan pemilikan perumahan penjawat awam melalui Skim Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (SPPSA) yang diuruskan oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).

## **SOALAN NO. 16**

Keberhutangan serius ditafsirkan sebagai jumlah pendapatan bersih bulanan penjawat awam yang kurang daripada 60% daripada emolumen bulanan setelah mengambil kira potongan-potongan yang telah dibenarkan oleh Ketua Jabatan dalam slip gaji penjawat awam. Bagi menangani masalah keberhutangan penjawat awam, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) telah melaksanakan sekatan bayaran potongan gaji penjawat awam sehingga maksimum 60% dari jumlah gaji kasar melalui sistem gaji berkomputer JANM mulai April 2017.

Langkah ini diharap dapat membantu penjawat awam dalam menguruskan hal ehwal kewangan peribadi dengan lebih teratur serta mengelakkan terjerumus ke dalam masalah keterhutangan serius serta kecenderungan untuk meminjam daripada peminjam wang yang tidak berlesen. Selain itu, Kerajaan juga mengadakan program usaha sama antara dengan Agensi Kaunseling & Pengurusan Kredit (AKPK) bagi mempromosikan perkhidmatan AKPK kepada penjawat awam di samping membantu penjawat awam menguruskan kewangan peribadi dengan lebih berhemah.

Bagi membantu meringankan beban kewangan penjawat awam khususnya yang berpendapatan rendah, Kerajaan juga mengadakan peraturan membolehkan kakitangan awam melakukan pekerjaan sambilan atau kerja luar, dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan masing-masing dan tertakluk kepada syarat-syarat tertentu seperti kerja luar tersebut hendaklah dijalankan di luar waktu bekerja dan tidak bercanggah dengan tatakelakuan pegawai awam.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 17**

**Tuan Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada Kementerian akan memperjuangkan untuk lebih banyak peruntukan bagi sekolah-sekolah mubaligh, supaya mereka mampu menyelenggara infrastruktur sekolah. Adakah Kementerian akan memperjuangkan bagi pihak sekolah-sekolah mubaligh dan sekolah-sekolah vernakular, agar bil utiliti mereka akan ditanggung oleh Kerajaan (dan bukan pihak sekolah sendiri).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyalurkan bantuan peruntukan sehingga had maksimum RM5,000 sebulan kepada semua Sekolah Bantuan Kerajaan (SBK) bagi membantu untuk menampung pembayaran utiliti seperti yang telah diluluskan oleh pihak Kementerian Kewangan mulai tahun 2015 tertakluk kepada bil sebenar setiap bulan.

KPM juga telahpun melaksanakan analisis berkaitan penggunaan utiliti termasuk di sekolah mubaligh bagi melihat trend penggunaan serta mengenal pasti isu-isu yang menyebabkan penggunaan utiliti yang tinggi di SBK. Dapatan daripada hasil analisis tersebut menunjukkan bahawa sebanyak 87.9 peratus SBK menggunakan utiliti di bawah RM5,000 sebulan. Oleh itu, KPM mendapati bahawa peruntukan yang diberikan kepada SBK ini sebenarnya memadai.

## **NO. SOALAN : 17**

Untuk makluman, selain untuk kegunaan sekolah, utiliti turut digunakan oleh pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS) sama ada pada waktu persekolahan atau di luar waktu persekolahan, dan perkara ini adalah di luar kawalan KPM memandangkan bangunan SBK merupakan hak milik LPS. Oleh yang demikian, adalah tidak wajar sekiranya KPM dipertanggungjawabkan sepenuhnya untuk menanggung baki tunggakan utiliti di SBK sebagaimana Sekolah Kerajaan (SK).

Namun begitu, KPM sedia bekerjasama dengan LPS bagi membantu untuk menyelesaikan sebarang isu berkaitan utiliti yang dihadapi oleh SBK termasuk menyarankan langkah-langkah penjimatan dilaksanakan oleh pihak sekolah dan mengelakkan pembaziran wang ke atas utiliti.

Sekian, terima kasih

RJM 83

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI**  
**KAWASAN : IGAN**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB TUAN AHMAD JOHNIE BIN ZAWAWI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status terkini rancangan untuk membina Jambatan Batang Igan di kawasan Parlimen P.2017 Igan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan projek Pembinaan Jambatan Batang Igan di Bahagian Mukah terletak di laluan Jalan Pesisir Pantai Negeri Sarawak iaitu jalan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil maklum bahawa projek ini akan diteruskan pelaksanaannya dengan menggunakan peruntukan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KEDUA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
(PERMATANG PAUH)**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 19**

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan akan mengambil kira cadangan penubuhan suruhanjaya untuk memantau dan memperkasakan kesemua institusi TVET; dan
- (b) mempertimbangkan cadangan meletakkan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) selaku badan akreditasi tunggal dibawah suruhanjaya tersebut.

**PN-1412- L03481**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan Kajian Pelan Induk TVET Kebangsaan yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) bersama PricewaterhouseCoopers, cadangan penubuhan sebuah badan penguatkuasaan bebas bagi memantau kualiti program dan institusi latihan TVET adalah perkara yang perlu diberi perhatian. KSM sedang meneliti semula laporan kajian tersebut bagi mengenalpasti kaedah terbaik pelaksanaannya.
2. Jawatankuasa Pemerkasaan TVET juga telah ditubuhkan di bawah keurusetiaan bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan KSM bagi menambahbaik pelaksanaan TVET di negara ini seterusnya mengangkat martabat TVET setaraf dengan aliran pendidikan lain. Jawatankuasa ini akan memperhalusi perkara-perkara berbangkit berkaitan TVET agar penyeragaman dan penyelarasan yang lebih efektif dapat dilaksanakan.
3. Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKk) juga telah ditubuhkan bagi melaksanakan fungsi-fungsi yang digariskan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006. Majlis ini diurussetiakan oleh Jabatan Pembangunan

## **SOALAN NO: 19**

Kemahiran (JPK) dan sebanyak 6 Jawatankuasa Kerja (JK) telah ditubuhkan di bawah MPKK seperti berikut:

- i) JK Tadbir Urus TVET;
- ii) JK Persijilan dan Pengiktirafan;
- iii) JK Pembiayaan Latihan;
- iv) JK Peningkatan Kualiti Latinan TVET;
- v) JK Kerjasama Strategik; dan
- vi) JK Promosi

4. Sehubungan itu, cadangan penubuhan Suruhanjaya TVET hendaklah mengambil kira Jawatankuasa Pemerksaan TVET dan MPKK yang telah wujud bagi memastikan pelaksanaan program TVET yang lebih tersusun dan strategik.

Tuan Yang Dipertua,

5. Sektor TVET sedia ada sedang diperkuuh melalui penubuhan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang akan diguna pakai oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan *Malaysian Qualifications Agency (MQA)* bagi tujuan penyelarasan dan pemantauan TVET yang lebih baik. Sistem baharu ini bertanggungjawab mengakreditasi program TVET yang ditawarkan oleh institusi TVET awam dan swasta berdasarkan Kerangka Kelayakan Malaysia Edisi Kedua (*Malaysian Qualifications Framework, MQF*). Pelaksanaan jaminan kualiti program-program TVET

## **SOALAN NO: 19**

oleh JPK dan MQA akan dibuat berdasarkan dokumen *Code of Practice for TVET Programme Accreditation* yang hampir selesai dibangunkan.

6. Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET ini nanti akan meningkatkan pengiktirafan program TVET, membolehkan mobiliti pelajar antara semua institusi TVET, membuka peluang kerjaya graduan TVET supaya lebih kompetitif dan memperluas peluang pembelajaran sepanjang hayat.
  
7. Kesimpulannya, Kerajaan menyambut baik cadangan YB Permatang Pauh agar ditubuhkan Suruhanjaya Khas TVET yang bebas dan berfungsi mengawal selia serta menyelaras sebarang program berkaitan TVET oleh pelbagai Kementerian di Malaysia. Justeru, cadangan tersebut akan dikaji dan diperhalusi lebih lanjut oleh Kementerian.

**SOALAN NO: 19**

**SOALAN NO : 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG  
[ AYER HITAM ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 20**

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- a) status kajian untuk mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersepadu (UEC); dan
- b) adakah pengiktirafan UEC turut mensyaratkan seseorang calon UEC mesti mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia sahaja di peringkat SPM dan tiada syarat lain seperti yang dijanjikan di dalam manifesto PH semasa PRU14.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) dan (b)

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menubuhkan satu pasukan petugas khas yang dikenali sebagai Pasukan Petugas Dasar – UEC (PPD-UEC) bagi meneliti isu berhubung dengan *Unified Examination Certificate* (UEC).

Pasukan petugas PPD-UEC tersebut melaksanakan tugasannya berdasarkan terma rujukan yang disediakan oleh KPM menggunakan pendekatan pencarian maklumat (*facts-finding*). Pasukan petugas ini telah diberikan tempoh selama enam (6) bulan, iaitu sehingga Julai 2019 untuk meneliti dan menyediakan syor-syor berkaitan isu pengiktirafan sijil UEC kepada pengurusan tertinggi KPM untuk pertimbangan selanjutnya. KPM akan memastikan isu UEC tidak menjaskankan kedudukan dan kepentingan bahasa Melayu, serta tidak menjaskankan perpaduan dan keharmonian antara kaum di negara Malaysia yang kita cintai ini.

Sekian, terima kasih

RJM 82

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**DARIPADA : Tuan Khoo Poay Tiong  
[ Kota Melaka ]**

**SOALAN : 21**

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengenai isu lompat parti tanpa beretika, termasuk sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang mengenai isu ini.

**JAWAPAN:** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Izinkan saya menjawab pertanyaan-pertanyaan lisan berkaitan secara bersekali dengan soalan yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat berikut kerana menyentuh isu yang sama:

i. pertanyaan oleh YB Kota Kinabalu pada 2 April 2019.

2. Perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hak kepada semua warganegara untuk membentuk persatuan seperti yang berikut:

***“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.***

**10. (1) Tertakluk kepada Fasal (2), (3) dan (4)—**

(a) ...

(b) ...

(c) *semua warganegara berhak untuk membentuk Persatuan.”.*

3. Hak untuk membentuk persatuan yang dijamin di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan turut merangkumi hak untuk menyertai atau tidak menyertai persatuan dan juga hak untuk meletak jawatan dalam sesuatu persatuan. Berdasarkan keputusan Mahkamah Agong dalam kes **Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor v. Nordin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ (Rep) 72 (SC)**,

telah diputuskan bahawa peruntukan undang-undang mengenai larangan melompat parti merupakan sekatan kepada hak untuk membentuk persatuan di bawah perenggan (c) Fasal (1) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.

4. Pada 16 Oktober 2018, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah memberikan jawapan kepada pertanyaan lisan oleh Yang Berhormat Kepong di Dewan Rakyat berkenaan isu yang sama. Jawapan Menteri di Jabatan Perdana Menteri adalah seperti yang berikut:

*“Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa terbuka terhadap cadangan penambahbaikan berkaitan penggubalan undang-undang daripada pelbagai pihak. Berhubung dengan cadangan untuk menggubal Undang-Undang Anti Lompat Parti, Suruhanjaya Pilihan Raya berpandangan bahawa buat masa ini, setiap warganegara dijamin hak untuk bebas berpersatuan. Ini adalah selaras dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Hak untuk bebas berpersatuan ini turut telah dibincangkan dalam keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes Dewan Undangan Negeri Kelantan & Anor. V Nordin bin Salleh & Anor [1992] 1 CLJ Rep masih terpakai.”.*

5. Namun, sekiranya Kerajaan berhasrat untuk membuat apa-apa undang-undang untuk menyekat tindakan melompat parti, undang-undang tersebut hendaklah dibuat oleh Parlimen dan tertakluk kepada sekatan yang dibenarkan di bawah perenggan (c) Fasal (2) Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan seperti yang berikut:

***“Kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan.***

**10. (2) Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan—**

- (a) ...
- (b) ...
- (c) *ke atas hak yang diberikan oleh perenggan (c) Fasal (1), apa-apa sekatan yang didapatinya perlu atau suai manfaat demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, ketenteraman awam atau prinsip moral.”.*

6. Walau bagaimanapun, sekiranya undang-undang larangan melompat parti dihasratkan untuk menghilangkan kelayakan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri dan kerusinya akan dikosongkan jika beliau melompat parti, undang-undang tersebut adalah tidak selaras dengan Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan kerana Fasal (1) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 6 Bahagian I Jadual Kelapan Perlembagaan Persekutuan tidak memperuntukkan tindakan melompat parti akan menyebabkan seseorang ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri hilang kelayakan untuk menjadi mana-mana ahli Parlimen dan ahli Dewan Undangan Negeri.

7. Berhubung dengan cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan pula, Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan ini dimasukkan melalui Akta Perlembagaan Persekutuan (Pindaan) 1990 [Akta A767]. Semasa pembentangan

pindaan tersebut di Dewan Rakyat pada 14 Mac 1990 (di muka surat 39 Penyata Rasmi Dewan Rakyat), Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad (Perdana Menteri pada ketika itu) telah menjelaskan bahawa tujuan pindaan tersebut adalah seperti yang berikut:

*“Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada peruntukan yang menghalang seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan kemudian bertanding semula dalam pilihan raya yang diadakan bagi kerusi yang dikosongkannya itu. Ketiadaan halangan ini memungkinkan seseorang ahli Dewan Rakyat atau Ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan dan bertanding semula bagi kerusi yang sama semata-mata untuk menguji atau membuktikan popularitinya. Apabila ini dilakukan, maka banyaklah masa, tenaga dan wang yang terbuang sedangkan rakyat dan negara tidak mendapat apa-apa faedah daripadanya.”*

8. Oleh yang demikian, apa-apa cadangan untuk menghapuskan Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan adalah merupakan suatu perkara dasar yang hendaklah dipertimbangkan oleh Kerajaan dengan berhati-hati dengan mengambil kira tujuan asal Fasal (6) Perkara 48 Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [ Parit Sulong ]** minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah mekanisme pengurusan bekalan minyak sawit mentah yang telah dirangka oleh pihak Kementerian dalam usaha menstabilkan harga minyak sawit dan bagaimanakah pensijilan MSPO terhadap pekebun sawit boleh memberi kesan kepada harga komoditi ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Kementerian sedang melaksanakan beberapa mekanisme pengurusan bekalan minyak sawit dalam usaha untuk menstabilkan harga minyak sawit antaranya:

- i. pelaksanaan Program Biodiesel B10 (adunan 10% biodiesel sawit dan 90% diesel petroleum) bagi sektor pengangkutan mulai 1 Februari 2019 dan B7 bagi sektor industri mulai 1 Julai 2019;
- ii. pelaksanaan Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) secara mandatori pada Januari 2020;
- iii. memperkuuh pasaran eksport sedia ada serta meneroka pasaran baru bagi produk-produk berdasarkan sawit; dan
- iv. menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam penghasilan produk-produk baru bernilai tambah tinggi.

## **SOALAN NO : 22**

Usaha untuk memandatorikan MSPO merupakan langkah ke arah mewujudkan sistem kemampanan yang diterima secara global dalam menjenamakan minyak sawit Malaysia di peringkat antarabangsa yang seterusnya diterima sebagai pilihan utama pengguna dunia. Ini bermakna, MSPO akan membuka akses pasaran lebih luas untuk pasaran minyak sawit mampan Malaysia di negara-negara pengimport. Ini seterusnya akan meningkatkan pendapatan pekebun kecil melalui akses pasaran yang lebih luas dengan hasil yang lebih berkualiti, mesra alam dan mampan.

Untuk memastikan pensijilan MSPO diterima oleh pasaran antarabangsa terutamanya Eropah dan Amerika Syarikat, Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) giat menjalankan promosi melalui penyertaan dalam seminar dan pameran antarabangsa serta berkolaborasi dengan badan pensijilan global seperti *International Sustainability and Carbon Certification* (ISCC). Antara perkembangan positif yang telah dicapai adalah pengiktirafan oleh Jawatankuasa Olimpik Jepun sebagai salah satu pensijilan kemampanan untuk perolehan minyak sawit bagi penganjuran Sukan Olimpik Tokyo 2020 dan penerimaan MSPO dalam *Indian Palm Oil Sustainability Framework* (IPOS). Perbincangan juga sedang diadakan dengan *China Green Food Development Center* untuk mendapatkan pengiktirafan MSPO di Negara China.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN**

**SOALAN : 23**

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pendirian Kerajaan dalam mereformasikan sistem “*Approved Permit*” (AP) bagi tujuan menghapuskan amalan rasuah dan politik patronage memandangkan kini masih terdapat lima ribu jenis “*Approved Permit*” (AP) yang dikeluarkan oleh pelbagai Kementerian.

**JAWAPAN :** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

1. *Approved Permit (AP)* merupakan lesen import dan lesen eksport yang diwartakan dibawah Akta Kastam 1967 dan adalah antara inisiatif di bawah Dasar Ekonomi Baru (NEP) untuk membantu usahawan Bumiputera. Buat masa ini, kementerian-kementerian berkaitan sedang meneliti usaha untuk mereformasi Sistem AP ini misalnya Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).
2. Sebahagian usaha menambahbaik proses berkaitan AP juga telah pun diambil tindakan oleh pihak kementerian. Namun begitu, Kerajaan akan terus memastikan Sistem AP ini dilaksanakan dengan penuh ketelusan, berintegriti dan mematuhi tadbir urus prosedur yang ditetapkan dari semasa ke semasa supaya tidak timbul isu monopoli dan salah guna kuasa.
3. Komitmen pihak Kerajaan ini juga adalah selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 iaitu Objektif Strategik 2.1 Merekayasa Perkhidmatan Awam ke Arah Tadbir Urus Baik di bawah Strategi 2: Memperkuuh Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan Awam melalui **Inisiatif 2.1.6 bagi membentuk mekanisme yang kukuh dan efektif dalam proses pengeluaran permit dan lesen**. Inisiatif ini kelak akan dilaksanakan di semua kementerian, jabatan, agensi dan Pihak Berkuasa

**NO. SOALAN: 23**

Tempatan yang berkaitan. Kerajaan juga menggesa orang ramai agar membuat aduan berkaitan penyalahgunaan AP bagi mengambil tindakan segera kepada pihak yang terlibat dan menghapuskan amalan rasuah serta politik *patronage* di negara ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
[PADANG BESAR - UMNO]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 24**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah dasar baharu Kementerian dalam pembangunan belia dan sejauh manakah pelaksanaan Manifesto Pakatan Harapan berkaitan dengan peluang pekerjaan kepada golongan belia.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di Pertua,**

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia (DBM) yang dilancarkan pada tahun 2015 masih lagi menjadi panduan kepada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dalam merangka perancangan dan program untuk pembangunan belia. Dalam memperkasakan anak muda dan merancakkan gerak kerja belia di peringkat akar umbi, Kerajaan telah mengambil ketetapan untuk meremajakan kepimpinan pertubuhan belia dengan menurunkan umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun menerusi pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Akta 668). Selain itu, Kerajaan amat menyakini kebolehan dan keupayaan anak muda untuk bersama-sama membangunkan dan merealisasikan agenda negara, khususnya penglibatan anak muda dalam membuat keputusan di peringkat pengurusan organisasi. Untuk itu, Kerajaan telah mengambil tindakan progresif dengan menurunkan umur kelayakan mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun supaya lebih ramai anak muda mempunyai potensi besar bersama-sama membina negara.

**Tuan Yang di Pertua,**

2. Pembangunan modal insan anak muda khususnya dalam bidang keusahawanan dan kemahiran amat diberi penekanan bagi memenuhi keperluan industri. Antara bidang keutamaan DBM yang menjadi fokus Kementerian ialah Pendidikan dan Latihan Kemahiran dan Keusahawan. Aspek ini amat berkait rapat dengan Manifesto Pakatan Harapan yang menetapkan untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkualiti tinggi dan menggalakkan pertumbuhan sektor keusahawanan dalam kalangan anak muda. Pihak KBS menyasarkan bidang keusahawanan yang berupaya mencipta peluang pekerjaan kepada belia, justeru itu beberapa program akan dilaksanakan pada tahun 2019 menerusi Jabatan Belia dan Sukan Negara dalam meningkatakan kemahiran keusahawanan di kalangan belia dengan sasaran penyertaan lebih 20,000 peserta.

## SOALAN NO : 24

3. Pihak KBS menerusi Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik Kementerian Belia dan Sukan 2016-2020 telah menggariskan 4 teras strategik dan salah satu daripadanya ialah **Penciptaan Pekerjaan dengan Mentransformasi Kemahiran dan Keusahawanan dalam Meningkatkan Ekonomi Anak Muda.** Bidang fokus yang tertakluk di bawah pelan ini ialah:

- (i) meningkatkan latihan kemahiran TVET untuk memenuhi permintaan industri;
- (ii) meningkatkan keberkesanan dan kualiti latihan TVET;
- (iii) memperkasa kerjasama dan jalinan dengan agensi dan industri;
- (iv) memperkuatkan imej Institusi Latihan Kemahiran Belia Negara (ILKBS) sebagai penyedia latihan TVET; dan
- (v) meningkatkan kualiti dan kesejahteraan hidup anak muda dalam keusahawanan.

4. Keseluruhan program yang menekankan bidang kemahiran dan keusahawanan ini akan dilaksanakan menerusi 22 ILKBS yang terdapat di seluruh negara. Program kemahiran yang berbentuk kursus jangka pendek juga turut dilaksana melalui kerjasama dengan industri setempat. Program berkonsepkan **Program Bootcamp** ini memberi peluang anak muda tempatan dilatih bagi memenuhi keperluan pihak industri di kawasan tersebut. Keberkesanan latihan TVET di ILKBS ini dibuktikan dengan kadar kebolehpasaran graduan ILKBS selepas 6 bulan menamatkan pengajian mencapai 935 peratus dengan gaji purata sebanyak RM1,678 melebihi purata pendapatan belia nasional sebanyak RM1,500.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 25**

Minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah langkah yang telah diambil oleh KKMM dalam memberi fokus kepada pembangunan prasarana akses internet berkelajuan tinggi di luar bandar bagi menarik golongan belia menceburi bidang atas talian.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian dalam pembangunan prasarana akses internet berkelajuan tinggi di luar bandar ialah peluasan liputan jalur lebar mudah alih, peluasan jalur lebar tetap dan peluasan rangkaian teras gentian optik.
2. Peluasan Liputan Jalur Lebar Mudah Alih yang merangkumi pembinaan menara komunikasi baharu dan penaiktarafan menara komunikasi sedia ada dengan perkhidmatan jalur lebar mudah alih. Sehingga kini, sebanyak 1,769 menara komunikasi baharu telah siap beroperasi di kawasan luar bandar di seluruh negara dan terdapat 266 menara komunikasi baharu masih di peringkat pelaksanaan Selain itu, sebanyak 5,229 menara sedia ada di seluruh negara telah dinaiktaraf

dengan perkhidmatan 3G/4G, manakala sebanyak 344 menara lagi sedang dalam peringkat penaiktarafan.

3. Peluasan Jalur Lebar Talian Tetap yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir dan luar bandar; lebih dari 572 ribu sambungan telah tersedia yang melibatkan penaiktarafan 748 ibusawat di seluruh negara, manakala baki 102 ribu sambungan masih dalam peringkat pelaksanaan yang dijangka siap secara berperingkat pada tahun 2019.
4. Peluasan Rangkaian Teras Gentian Optik bagi membolehkan perkhidmatan jalur lebar mudah alih berkelajuan tinggi dapat disediakan. Sehingga kini, lebih 1 ribu kilometer rangkaian teras gentian optik telah siap dilaksanakan di seluruh negara. Manakala sepanjang 933 kilometer lagi masih dalam peringkat pelaksanaan.
5. Kesemua inisiatif adalah usaha yang berterusan yang dilaksanakan oleh pihak Kerajaan bagi menggalakan penggunaan jalur lebar supaya dapat mempertingkatkan taraf sosio-ekonomi dan kualiti kehidupan penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar di seluruh negara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDIN BIN HASSAN  
[ KOTA BHARU ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**Dato' Takiyudin Bin Hassan [Kota Bharu]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian dalam menangani masalah restoran milik bukan Islam yang menggantung ayat Al-Quran sehingga mendatangkan kekeliruan kepada pengguna muslim.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa mengambil tindakan tegas kepada mana-mana pemilik restoran yang menyalahgunakan representasi agama Islam, termasuk perbuatan menggantung ayat suci Al-Quran bagi tujuan memperdaya atau mengelirukan pengguna. Perbuatan tersebut adalah menjadi satu kesalahan yang serius di bawah Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 yang mana jika disabitkan kesalahan, syarikat tersebut boleh dikenakan denda sehingga RM 5 juta.

Bagi menangani isu-isu halal seperti ini, Kementerian mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- a) Membuat **hebahan umum** mengenai pematuhan perundangan halal melalui media sosial rasmi Kementerian dan menerbitkan kenyataan media;
- b) Memberi kesedaran mengenai halal kepada pengguna dan pelajar di program-program **advokasi** anjuran Kementerian dan agensi berkaitan;
- c) **Menubuh dan mempengarusikan** Jawatankuasa Penyelarasan Perundangan dan Penguatkuasaan Halal di peringkat nasional;
- d) Menjalankan **pemeriksaan halal secara berkala** di tempat-tempat penyembelihan, kilang pemprosesan dan premis-premis makanan;
- e) Menjalankan **pemeriksaan halal bersempena bulan Ramadan** di premis-premis makanan yang menyediakan juadah berbuka puasa; dan
- f) Menjalankan **operasi khas secara bersepadau** dengan agensi-agensi Kerajaan di premis makanan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI IKMAL HISHAM BIN ABDUL AZIZ  
[ TANAH MERAH ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 27**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan mengkaji semula modul pembelajaran di sekolah-sekolah memandu yang dikatakan tidak berkesan untuk melahirkan pemandu berhemah

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Baharu telah dilaksanakan pada 14 Julai 2014. Pembangunan KPP Baharu ini adalah hasil semakan semula berteraskan Hasil Pembelajaran (*Learning Outcome Based*) yang merangkumi 3 komponen utama iaitu Kognitif, Afektif dan Psikomotor. Hasrat utama KPP ini adalah untuk menghasilkan pemandu yang mempunyai atribut pemanduan selamat.
2. Kajian keberkesanan KPP Baharu telah dijalankan oleh MIROS pada tahun 2015 dan hasil kajian menunjukkan bahawa KPP Baharu adalah berkesan dalam melahirkan pemanduan berhemah. Kajian ini bertujuan untuk mengukur impak KPP Baharu yang digunakan untuk melatih kemahiran pemanduan dan penunggangan tahap tinggi di kalangan pemandu kereta dan penunggang motosikal baharu di Malaysia. Keputusan kajian menunjukkan bahawa purata kadar perubahan dalam indeks masa tindak balas persepsi bahaya (*Hazard Perception Response Time*) yang diukur berdasarkan pengalaman dan pendedahan pemanduan di jalan raya adalah lebih tinggi di kalangan kumpulan KPP baru berbanding kumpulan KPP sebelumnya. Secara umumnya, hasil kajian ini menunjukkan terdapatnya kesan positif hasil daripada pendedahan terhadap KPP baharu dari segi peningkatan keseluruhan kemahiran mengenal pasti tanggapan bahaya dengan betul di kalangan penunggang dan pemandu baharu.
3. Pihak Kementerian akan sentiasa mengkaji dan menambah baik kurikulum pemanduan sedia ada bagi meningkatkan kualiti pemandu-pemandu kenderaan dalam negara dan secara tidak langsung akan meningkatkan keselamatan jalan raya di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID  
[ PENGERANG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 28**

**Dato' Sri Azalina Othman Said [ Pengerang ] minta MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah punca kelewatan membuat pindaan kepada Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] dengan memasukkan cadangan fasal 88A yang telah digugurkan oleh Kerajaan terdahulu kerana percanggahan dengan kes Mahkamah Persekutuan yang mana ianya tidak lagi bercanggah setelah kes M Indira Gandhi diputuskan serta apakah kekangan yang dihadapi dalam menangkap suami M Indira Gandhi, K Pathmanathan @ Mohd Ridhuan Abdullah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164] adalah punca kuasa untuk mendaftarkan perkahwinan dan perceraian bagi individu bukan beragama Islam. Dalam hal ini, pindaan terhadap Akta tersebut bagi memasukkan semula cadangan Seksyen 88A berkenaan isu status agama anak berumur bawah 18 tahun jika salah seorang ibu bapa memeluk agama Islam masih belum diputuskan. Perkara tersebut memerlukan kajian komprehensif yang mengambil kira pelbagai aspek termasuklah pandangan daripada Jabatan Peguam Negara.

Berkaitan dengan kekangan yang dihadapi dalam menangkap suami M Indira Gandhi, K Pathmanathan @ Mohd Ridhuan Abdullah seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) mengambil maklum di mana beberapa tindakan telah diambil untuk mengesan penama Patmanathan A/L Krishnan @ Muhammad Riduan Bin Abdullah melalui Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Semakan mendapati penama pernah mendiami beberapa alamat di negeri Perak. Tindakan pemeriksaan dan pemantauan telah dijalankan di alamat-alamat berkenaan dan didapati penama tidak menginap di alamat tersebut.

Pihak PDRM juga telah mengambil tindakan membuat siaran media bertarikh 29 April 2016 bagi mengesan penama Patmanathan a/l Krishnan @ Muhammad Riduan bin Abdullah namun sehingga ke hari ini tiada sebarang maklumat yang diterima oleh pihak polis tentang penama tersebut. Sehubungan dengan itu, waran untuk pengkomitan dalam Mahkamah Tinggi Malaya di Ipoh oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi Ipoh tidak dapat disempurnakan terhadap penama sehingga ke hari ini.

**NO. SOALAN : 29**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN  
DATO' AZUMU [TAMBUN]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 29**

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan apakah peranan Kerajaan Pusat dalam usaha untuk membangunkan industri mineral yang lestari di negeri Perak yang dilihat mampu untuk meningkatkan pendapatan Kerajaan Negeri.

## **SOALAN NO. 29**

### **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Industri mineral telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam membangunkan ekonomi negara. Negeri Perak pernah menjadi pengeluar terbesar bijih timah di Malaysia dan sehingga kini, ianya masih menyumbang kepada pengeluaran bijih timah negara lebih kurang 76.5 % iaitu sebanyak 3,181 tan daripada jumlah keseluruhan pengeluaran timah negara sebanyak 4,158 tan. Selain bijih timah, negeri Perak juga mengusaha dan menghasilkan batu kapur, granit, dolomit, pasir silika, kaolin, mika halus (serisit) dan lempong bebola.

Fungsi di bawah Akta Pembangunan Mineral 1994 adalah mengawal selia aktiviti industri mineral negara bagi mewujudkan situasi industri yang teratur dan lestari. Selain menguatkuasakan Akta Pembangunan Mineral 1994, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli turut melaksanakan Dasar Mineral Negara 2 (*National Mineral Policy 2*) yang bermula pada tahun 2009.

Dalam usaha Kerajaan Persekutuan untuk membangunkan industri mineral secara mampan, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) telah memperkenal dan melaksanakan Dasar Mineral Negara 2 (*National Mineral Policy 2*) yang bermula pada tahun 2009 yang menggariskan 7 Teras untuk meneruskan kecemerlangan dalam sektor mineral melalui pengurusan sumber mineral yang efektif dan efisien. Ini akan membantu dalam perindustrian negara serta menghasilkan produk-

produk baharu yang bernilai tinggi yang akan terus meningkatkan produktiviti dan daya saing global negara. Pelaksanaan amalan perlombongan terbaik akan memastikan keseimbangan antara kekayaan ekonomi, kesejahteraan sosial dan pemeliharaan alam sekitar ke arah pembangunan mapan.

Secara khususnya di negeri Perak, KATS melalui JMG melalui projek di dalam RMKe-11 telah melaksanakan Kajian Potensi Sumber Batuan Silika yang telah dikenalpasti berpotensi untuk diusahakan sebagai sumber pendapatan yang baharu selain daripada mineral sedia ada. Sumber mineral ini dikenalpasti bersesuaian digunakan sebagai bahan mentah utama dalam industri penghasilan ferosilikon, silikon, komponen litar elektronik dan panel solar.

Kajian dalam mengenalpasti potensi mineral negara seperti bijih timah, pasir silika, batu kapur, mika halus (*sericite*) dan lempung bebola juga telah dilaksanakan sejak RMKe-5 hingga kini dan telah diterjemahkan kepada peningkatan hasil perlombongan daripada RM728.4 juta pada tahun 1986 sehingga RM1.1 billion pada tahun 2018.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[JERANTUT]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 30**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kementerian bercadang menambah jumlah pemegang kuota import (*Approved Permit*) atau menambah lagi jenis-jenis AP bagi keluaran pertanian dan penternakan seperti AP ayam dan sebagainya bagi menangani peningkatan harga.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mengenakan kawalan kuota import (*Approved Permit – AP*) ke atas beberapa keluaran pertanian terpilih bagi memastikan bekalan mencukupi dan pada masa yang sama mengelakkan lambakan dalam pasaran tempatan. Keluaran pertanian yang dikenakan kawalan kuota import adalah berdasarkan rundingan Kerajaan bersama *World Trade Organization (WTO)* seperti berikut:

- (i) kelapa tua biji;
- (ii) kubis bulat;
- (iii) susu cair;
- (iv) keratan ayam;
- (v) ayam bulat (*super*) \*kuota import dibekukan mulai Mac 2015 memandangkan pengeluaran tempatan telah mencukupi\*, dan
- (vi) beras.

MOA tidak menetapkan sebarang had maksimum bagi bilangan pemegang kuota import. Kelulusan kuota import adalah bergantung kepada permohonan sebenar yang dinilai dari aspek kelayakan berdasarkan kriteria yang ditetapkan dengan mengambil kira anggaran permintaan dan pengeluaran tempatan bagi memastikan bekalan yang mencukupi untuk keperluan industri dan pengguna.

Bagi kuota import beras, pada masa ini perjanjian konsesi antara Kerajaan dengan kepada Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) sebagai pengimport tunggal masih berkuat kuasa.

Buat masa ini, MOA tidak bercadang untuk menambah jenis-jenis AP yang dikenakan ke atas pengimportan keluaran pertanian.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. KELVIN YII LEE WUEN  
[ Bandar Kuching ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 31**

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status dan perbincangan terkina Jawatankuasa Kabinet Khas MA63 untuk segera melaksanakan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan juga mengembalikan status Sabah dan Sarawak yang telah dijanjikan.

**JAWAPAN :** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa Khas Kabinet Untuk Menyemak Pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 telah ditubuhkan bagi menyemak dan membuat pengesyoran kepada Kerajaan berhubung pelaksanaan hak-hak dan autonomi Sabah dan Sarawak selaras dengan peruntukan-peruntukan yang terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan, Perjanjian Malaysia 1963 (***Malaysia Agreement 1963***) dan perkara-perkara yang terkandung di dalam "*Chapter 3, Annexes A and B of the Report of the Inter-Governmental Committee, 1962*".
2. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Pemandu telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada 17 Disember 2018. Mesyuarat ini telah bersetuju supaya satu laporan interim akan dibentangkan dalam tempoh **empat (4) bulan** dan satu laporan akhir akan dibentangkan dalam tempoh **enam (6) bulan** daripada tarikh mesyuarat tersebut.
3. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal yang dipengerusikan secara bersama oleh saya dan Peguam Negara, YBhg. Tuan Tommy Thomas telah diadakan sebanyak dua kali pada 14 Januari 2019 dan 18 Februari 2019. Hasil daripada mesyuarat tersebut,

Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja telah ditubuhkan untuk meneliti isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 berdasarkan terma rujukan dan skop kerja yang telah ditetapkan. Antara Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja tersebut adalah:

- a) Kluster Kewangan - diterajui oleh Kementerian Kewangan;
  - b) Kluster Ekonomi - diterajui oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi;
  - c) Kluster Sosial (Kerja Raya) - diterajui oleh Kementerian Kerja Raya;
  - d) Kluster Sosial (Perkhidmatan Awam) - diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan
  - e) Kluster Sosial (Sumber Manusia) – diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia.
4. Kesemua Jawatankuasa-Jawatankuasa ini telah melantik ahli-ahlinya dan memulakan perbincangan masing-masing dalam membincangkan secara lanjut tentang isu-isu kajian yang telah dikenal pasti.
5. Jawatankuasa Khas Kabinet tersebut akan mengambil masa selama 6 bulan untuk mengemukakan laporan terperinci kepada Kerajaan untuk pelaksanaan seterusnya. Kedudukan Sabah dan Sarawak akan dilihat semula secara teliti berdasarkan peruntukan-peruntukan yang ada di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Perjanjian Malaysia 1963.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SYED ABU HUSSIN BIN HAFIZ SYED  
ABDUL FASAL [ BUKIT GANTANG ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 32**

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan terhadap 100 unit kuarters guru yang sudah siap tetapi terbiar dan status pelan pembangunan lebih kurang 70 ekar tanah milik Kementerian Pendidikan yang terletak di Jalan Kuala Kangsar, Simpang dalam Parlimen Bukit Gantang, Perak. Lokasi ini dilihat sangat strategik dari aspek pembangunan yang dapat memberi pulangan ekonomi kepada Kerajaan dan rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa pembinaan Kuarters Institusi Pendidikan (KIP) dibuat berdasarkan kepada permintaan dan keperluan warga pendidik dan pihak luar. Berhubung kekosongan 100 unit kuarters guru yang terletak di Simpang, Taiping, Perak yang dibina pada tahun 2002, ingin dijelaskan bahawa KIP tersebut dibina atas permintaan daripada warga KPM pada ketika itu. Kini KIP tersebut tidak didiami disebabkan oleh kerosakan di beberapa unit kediaman.

Selain itu, warga KPM di kawasan berkenaan juga lebih memilih untuk mendiami rumah sendiri ekoran kepesatan pembangunan kawasan perumahan di kawasan sekitar. Sebahagian mereka juga lebih gemar untuk tinggal di rumah sewa yang kosnya lebih murah berbanding dengan kadar pemotongan Elaun Tetap Perumahan (ETP) jika menetap di kuarters.

KPM telah mengambil langkah-langkah tertentu bagi mengoptimumkan penggunaan KIP dengan mengiklankan kekosongan KIP kepada jabatan/agensi kerajaan dan swasta untuk ditukar guna kepada tujuan lain atau untuk tujuan sewaan. Terdapat beberapa agensi yang telah mengemukakan hasrat untuk mengambil alih KIP tersebut, namun sehingga kini, KPM belum menerima sebarang keputusan berhubung perkara tersebut.

Dari segi perancangan jangka panjang, KPM akan melaksanakan strategi *monetization* melalui penjualan asset-aset KPM termasuk kuarters yang tidak didiami. Satu kajian terperinci akan dilaksanakan bagi melihat kebolehlaksanaan strategi *monetization* tersebut sebelum sebarang cadangan *monetization* diangkat ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan.

Ahli Yang Berhormat turut bertanya tentang status pembangunan baki tapak tanah kepada KIP tersebut yang keluasannya lebih kurang 70 ekar. Untuk makluman, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah mempunyai cadangan untuk membangunkan tapak tanah tersebut. Walau bagaimanapun, cadangan tersebut masih di peringkat perbincangan awal dan belum dimuktamadkan.

Sekian, terima kasih

RJM 81

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [ KEMAMAN ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 33**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan dasar pengasingan sisa pepejal isi rumah seperti yang pernah diketengahkan pada tahun 2015.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pengasingan Sisa Pepejal di Punca (SAS) bagi sisa pepejal isi rumah telah dilaksanakan pada 1 September 2016. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) komited untuk meneruskan pelaksanaan Program SAS. Justeru, bagi merangsang penglibatan komuniti dan orang awam dalam melaksanakan pengasingan sisa di punca, KPKT dengan kerjasama syarikat-syarikat konsesi perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam (PSPPA) telah menjalankan program pemberian mata ganjaran yang mempunyai nilai tunai yang tertentu bagi pembelian barang kitar semula yang diasingkan oleh orang awam. Melalui pelaksanaan program pemberian mata ganjaran ini, amalan SAS akan dapat dipupuk dan seterusnya menggalakkan masyarakat untuk menjadikan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) sebagai gaya hidup yang mampu memberi pulangan dan menjadi sumber pendapatan tambahan.
2. Sebagai contoh, syarikat konsesi yang melaksanakan perkhidmatan PSPPA di wilayah utara (negeri Kedah dan Perlis) iaitu Syarikat Environment Idaman Sdn. Bhd. telah memperkenalkan program *Recycle for Life* (RFL) iaitu pengumpulan barang kitar semula dengan memberikan faedah ganjaran tunai kepada orang ramai melalui penggunaan kad pintar kitar semula. Sehingga kini, program RFL ini telah dilaksanakan di hampir semua daerah di negeri Kedah termasuk Langkawi dan Kangar, Perlis dengan jumlah kutipan sepanjang tahun 2018 adalah sebanyak 355,374 kg. Sebanyak 10,540 kad pintar kitar semula telah diedarkan kepada orang ramai bagi program RFL ini.
3. Manakala Syarikat SWM Environment Sdn. Bhd. selaku konsesi yang melaksanakan perkhidmatan PSPPA di wilayah selatan telah memperkenalkan program *KITARcycle*. Program ini telah dilancarkan

pada 20 September 2018 menggunakan kaedah pelekat kod bar (*barcode sticker*) yang ditampal pada beg plastik sisa kitar semula bagi membolehkan orang awam mengumpul mata kitar semula dan seterusnya menebus ganjaran dalam bentuk baucar beli-belah atau barang yang sama nilainya. Mata ganjaran tersebut melibatkan 35 jenis barang kitar semula termasuk tin aluminium dan kertas. Dalam tempoh 4 bulan pelaksanaan program ini dari Oktober 2018 sehingga Januari 2019, jumlah kutipan barang kitar semula adalah sebanyak 6,444kg.

4. Selain itu, penguatkuasaan Pengasingan Sisa Pepejal di Punca bagi isi rumah juga akan terus diperkasa dengan sasaran pemeriksaan di 123,013 premis bertanah (*landed*) dan 525 premis *non landed* di samping mempergiat Kempen Pengasingan Sisa Pepejal di Punca bagi meningkatkan kesedaran masyarakat dan tanggungjawab melaksanakan program ini.

5. KPKT juga telah menguatkuaskan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim Bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Pengusahaan atau Penyediaan Perkhidmatan Pemungutan bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 pada 1 Ogos 2018 yang bertujuan untuk mengawal selia pengurusan sisa pepejal di sektor industri, komersial dan institusi (ICI). Pihak-pihak yang berkenaan di sektor ICI diberikan tempoh setahun bermula daripada tarikh kuat kuasa Peraturan untuk melaksanakan SAS. Bermula 1 September 2019, SAS akan menjadi mandatori serta denda akan dikenakan bagi premis yang tidak melaksanakannya.

Sekian, terima kasih.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

Tuan Lim lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menjadikan perbuatan atau perkataan yang menggalakkan kebencian agama/kaum sebagai kesalahan jenayah bagi menyekat budaya mencaci dan memaki agama Islam dan semua agama yang ada di negara ini.

**JAWAPAN : (YB DATO' SERI DR. MUJAHID BIN YUSUF, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa peka dan mengambil langkah-langkah yang serius untuk memastikan keamanan dan keharmonian amalan beragama di negara ini terpelihara. Dalam menyekat budaya mencaci dan memaki agama Islam dan semua agama yang ada di negara ini, undang-undang sedia ada telah memperuntukkan perbuatan atau perkataan yang menggalakkan kebencian agama/kaum sebagai satu kesalahan sebagaimana berikut:

1. **Seksyen 298A(1) Kanun Keseksaan [Akta 574]** yang memperuntukkan bahawa:

Barang siapa dengan perkataan-perkataan, sama ada secara lisan atau bertulis, atau dengan isyarat, atau dengan pernyataan zahir, atau dengan apa-apa perbuatan, aktiviti atau kelakuan, atau dengan mengelolakan, memajukan atau mengaturkan, atau membantu dalam mengelolakan, memajukan atau mengaturkan apa-apa aktiviti, atau selainnya dalam apa-apa cara yang lain –

- (a) menyebabkan, atau cuba menyebabkan, atau mungkin menyebabkan suasana tidak harmoni, perpecahan atau perasaan permusuhan, benci membenci atau sakit hati; atau
- (b) memudaratkan, atau cuba memudaratkan, atau mungkin memudaratkan, pemeliharaan keadaan harmoni atau perpaduan,

atas alasan keagamaan, di antara orang-orang atau kumpulan orang yang menganut agama yang sama atau berlainan agama, hendaklah dihukum dengan hukuman penjara bagi satu tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak lebih dari lima tahun.

2. **Seksyen 211 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588]** memperuntukkan larangan terhadap pemberian kandungan jelik seperti yang berikut:

- (1) Tiada pemberi perkhidmatan aplikasi kandungan, atau orang lain yang menggunakan perkhidmatan aplikasi kandungan, boleh memberikan kandungan yang sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu mana-mana orang.
  - (2) Seseorang yang melanggar subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari atau sebahagian daripada sehari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.
3. **Seksyen 233 Akta 588** juga memperuntukkan kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian seperti yang berikut:

- (1) Seseorang yang—
  - (a) dengan menggunakan mana-mana kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian atau perkhidmatan aplikasi secara sedar—
    - (i) membuat, mewujudkan atau meminta-minta; dan
    - (ii) memulakan penghantaran, apa-apa komen, permintaan, cadangan atau komunikasilain yang lucah, sumbang, palsu, mengancam atau jelik sifatnya dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu orang lain; atau
  - (b) memulakan suatu komunikasi dengan menggunakan mana-mana perkhidmatan aplikasi, sama ada secara berterusan,

berulang kali atau selainnya, dan dalam masa itu komunikasi mungkin atau tidak mungkin berlaku, dengan atau tanpa mendedahkan identitinya dan dengan niat untuk menyakitkan hati, menganiayai, mengugut atau mengganggu mana-mana orang di mana-mana nombor atau alamat elektronik, adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Seseorang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan hendaklah juga boleh didenda selanjutnya satu ribu ringgit bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

**4. Seksyen 7 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 [Akta 559] yang memperuntukkan bahawa:**

Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain-

- (a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
- (b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau
- (c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN  
[ KALABAKAN ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan untuk memberi kelonggaran atau mengubah syarat pemilikan kenderaan yang dioperasi sebagai teksi berpermit tidak hanya kepada kenderaan berkuasa pada 1500 cubic capacity dan ke atas seperti kebebasan yang diberi kepada operator kenderaan e-hailing yang bebas mengoperasikan semua jenis kenderaan tanpa mengira tahap kuasa kenderaan.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Pemilikan kenderaan sebagai teksi tidak hanya kepada kenderaan berkuasa pada 1500 cubic capacity ke atas telah pun dilaksanakan melalui Kaedah-Kaedah Kenderaan Motor (Pembinaan dan Penggunaan) (Pindaan) 2018 yang telah berkuat kuasa mulai 12 Julai 2018. Sehubungan dengan itu, mulai tarikh tersebut, teksi, kereta sewa dan teksi mewah tidak terhad untuk menggunakan kenderaan 1500 *cubic capacity* ke atas seperti ketetapan sebelum ini.
2. Rupa bentuk kenderaan adalah terbuka kepada semua model kenderaan jenis 4 pintu dan kenderaan tersebut mestilah memenuhi sekurang-kurangnya penarafan 3 bintang Tahap Piawaian Program Kereta Baharu Rantau Asean Tenggara (Asean NCAP) atau setara. Walau bagaimanapun kenderaan jenis pick-up tidak dibenarkan dan lain-lain peraturan semasa yang ditetapkan kepada spesifikasi kenderaan mestilah dipatuhi.
3. Selain itu, Kenderaan yang ingin dijadikan sebagai teksi perlulah memiliki Sijil Timbang Berat yang perlu dipohon di Jabatan Pengangkutan Jalan oleh pengeluar ataupun pengimport kenderaan tersebut.

Sekian, terima kasih.

**SOALAN NO. 36**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JONATHAN YASIN [RANAU]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO.36**

**TUAN JONATHAN YASIN** minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah perancangan dan projek utama Kementerian dalam membantu menangani isu-isu bekalan air bersih seperti bekalan yang tidak mencukupi dan sering terputus ekoran paip-paip Panja di daerah Ranau dalam jangka masa pendek dan Panjang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan Persekutuan komited untuk menangani isu-isu bekalan air terawat di Daerah Ranau yang sering terjejas sejak kejadian gempa bumi yang berlaku pada tahun 2015. Antara masalah utama bekalan air adalah berpunca dari muka sauk yang sering tersumbat akibat dari limpahan pasir dan batu dari Gunung Kinabalu.
  
2. Bagi mengatasi masalah bekalan air di Daerah Ranau, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan satu projek secara geran berjumlah RM23 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 bagi menaiktaraf muka sauk di Bambangan dan Lipasu. Kerja-kerja perancangan dan rekabentuk sedang giat dijalankan dan projek dijangka akan bermula pertengahan tahun 2020.

Sekian, terima kasih

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI JALALUDDIN BIN HAJI ALIAS  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 37**

**Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [ Jelebu ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan dalam tempoh 3 tahun terakhir sehingga kini, berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima, berapa pula yang ditolak dan mohon sertakan sekali warganegara asal para pemohon tersebut.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2016 hingga 15 Februari 2019, sejumlah 47,998 permohonan kewarganegaraan telah diterima. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 861 permohonan ditolak. Perincian permohonan tertinggi mengikut tiga (3) Negara asal pemohon adalah seperti berikut:-

- a) Indonesia sebanyak 9,983 permohonan;
- b) Filipina sebanyak 1,652 permohonan;
- c) India sebanyak 1,444 permohonan; dan
- d) Lain-lain Negara sebanyak 34,919 permohonan.

Manakala, perincian permohonan tertinggi yang ditolak mengikut tiga (3) Negara asal pemohon adalah seperti berikut:-

- a) Indonesia sebanyak 325 permohonan;
- b) Filipina sebanyak 57 permohonan; dan
- c) Democratic Kampuche sebanyak 37 permohonan;
- d) Lain-lain Negara sebanyak 442 permohonan.

**NO. SOALAN : 38**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL**

**[KUALA KEDAH]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**MENJAWAB**

**SOALAN : 38**

**YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat membentangkan kembali pemansuhan Akta Berita Palsu 2018 di Parlimen. Nyatakan berapa orang yang telah didakwa di bawah akta ini.

**JAWAPAN :** **YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua

1. Kerajaan berhasrat membentangkan kembali RUU pemansuhan Akta Antiberita Tidak Benar 2018 yang gagal diluluskan oleh Dewan Negara. Namun pembentangan itu hanya boleh dibuat selaras dengan Fasal 68 (2) Perlembagaan Persekutuan.
2. Fasal (2) Perkara 68 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan seperti yang berikut:

“(2) Jika—

- (a) sesuatu Rang Undang-Undang yang bukan suatu Rang Undang-Undang wang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan, setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu, Rang Undang-Undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak dipersetujui oleh Dewan Rakyat; dan
- (b) dalam penggal yang berikutnya (sama ada di dalam Parlimen yang sama atau tidak) tetapi tidak lebih awal daripada setahun selepas Rang Undang-Undang itu

mula-mula diluluskan oleh Dewan Rakyat, Rang Undang-  
Undang yang sama, tanpa apa-apa perubahan lain selain  
yang disebut dalam Fasal (3), diluluskan sekali lagi oleh  
Dewan Rakyat dan dihantar kepada Dewan Negara  
sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu  
dan tidak diluluskan oleh Dewan Negara atau diluluskan  
oleh Dewan Negara dengan pindaan yang tidak  
dipersetujui oleh Dewan Rakyat,

maka Rang Undang-Undang itu hendaklah, melainkan jika  
diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat, dikemukakan kepada  
Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya dengan apa-  
apa pindaan, jika ada, sebagaimana yang telah dipersetujui oleh  
kedua-dua Majlis Parlimen..”

3. Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018. Oleh itu, proses ini hanya boleh dimulakan selepas 16 Ogos 2019.
3. Selepas Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 dibentangkan semula di Dewan Negara, sama ada Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 diluluskan ataupun tidak, Rang Undang-Undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya untuk menjadi suatu undang-undang.
4. Sejak permulaan kuat kuasa Akta Antiberita Tidak Benar 2018 [Akta 803] pada 11 April 2018, terdapat seorang sahaja lelaki rakyat Denmark

yang telah dipertuduh di bawah seksyen 4 Akta Antiberita Tidak Benar 2018 di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur. Tertuduh telah mengaku salah dan dihukum penjara seminggu dan denda RM10,000.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN MING KAI [ ALOR SETAR ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 39**

**Tuan Chan Ming Kai [ Alor Setar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa permohonan PLKS dan bayaran yang terlibat melalui MyEG yang masih tertangguh selepas perkhidmatan tersebut di bawah kajian semula. Bagaimana Kerajaan memastikan MyEG bayar balik kepada majikan jika gagal proses PLKS dan juga bayaran denda RM9.337 juta atas keputusan Competition Appeal Tribunal.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Semua permohonan pembaharuan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang diterima melalui sistem MyEG diproses pada hari yang sama dan keputusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) akan diperolehi dalam tempoh 3 hari bekerja melainkan terdapat permohonan yang tidak lengkap yang perlu diambil tindakan seperti semakan kelayakan majikan atau pekerja.

Permohonan semasa sehingga 28 Februari 2019 untuk kelulusan oleh Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) adalah sebanyak 3,909 permohonan.

Sehingga kini, sebanyak 12,597 permohonan masih lagi tertangguh di MyEG atas sebab-sebab berikut:

- i) pihak majikan gagal mengemaskini data syarikat sepetimana diwajibkan oleh KDN;
- ii) pekerja perlu mengemaskini maklumat pasport baru di JIM;
- iii) pekerja tiada rekod keputusan pemeriksaan FOMEMA;
- iv) pekerja tersenarai dalam Senarai Syak JIM.

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi  
[Bagan Datuk]**

**TARIKH : 11 MAC hingga 11 APRIL 2019**

**SOALAN :**

Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta Perdana Menteri menyatakan bagaimanakah lantikan-latikan politik di dalam Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dapat membantu dalam melancarkan pengrusan dan menambah baik program-program dakwah di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' DR MUJAHID YUSOF, MENTERI DI  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) adalah sebuah badan amanah yang ditubuhkan di bawah Ordinan Pemegang Amanah 1952 bagi memperkembangkan agama Islam bagi maksud pendidikan, sosial dan kebajikan di kalangan orang-orang Islam.

Selaras dengan itu, YADIM berperanan mendukung dasar kerajaan dengan bekerjasama secara strategik dengan agensi kerajaan dan bukan kerajaan iaitu gagasan Rahmatan lil Alamin yang berteraskan Maqasid Syariah bermatlamatkan Model Malaysia sebagai Negara Rahmah.

Barisan Ahli Lembaga Pemegang Amanah YADIM yang baru dilantik melambangkan ilmu, kekuatan dan pengalaman dari beberapa latar belakang yang berbeza. Ia merupakan gabungan dari profesional yang pelbagai seperti agama, akademik, perundangan dan lain-lain lagi.

Ia diyakini mampu menjana idea dan memberi nasihat kepada pihak pengurusan YADIM. Kepelbagaiannya latar belakang dan pengalaman sedemikian sememangnya sesuai dengan agensi seperti YADIM dalam menggerakkan agendanya, iaitu meletakkan Islam di Malaysia di kedudukannya yang sebenar melalui medan dakwah yang penuh hikmah.

Sesuai dengan pendekatan kerajaan yang mahu memperkasakan Islam, kerajaan melalui YADIM mahu membuat pembaharuan, penambahbaikan dan memperkasakan dakwah kepada semua lapisan masyarakat.

Justeru, perlantikan Ahli Lembaga Pemegang Amanah daripada pelbagai latar belakang ini mampu membuka ruang dakwah yang lebih luas lagi.

Kerajaan memberi jaminan tiada campur tangan politik di dalam pengurusan YADIM dengan pelantikan ALPA yang baru ini.

Pelantikan ini tidak sepatutnya dilihat dari sudut latar belakang politik tetapi masyarakat perlu melihat latar belakang pendidikan yang tinggi dan berpengalaman serta kepakaran dalam pelbagai bidang seperti dakwah, pendidikan Islam, pengurusan dan pentadbiran, latihan dan pengkaderan, kewangan, undang-undang, pembangunan koperasi dan ekonomi.

Fokus utama YADIM kini sudah tentu adalah bidang dakwah selain pendidikan, kebajikan dan sosial, menerusi tiga wawasan YADIM iaitu Mengubah Pemikiran, Nasihat Menasihati dan Operasi Kehidupan.

Badan dakwah ini akan menumpukan kepada usaha pengkaderan daie, para pendakwah yang benar-benar memahami Islam, menggunakan pendekatan yang terbaik untuk berdakwah kepada masyarakat Islam dan bukan Islam.

Sesuai dengan tujuan penubuhannya, YADIM juga akan memperkuatkan hubungan dan interaksi dengan badan-badan bukan kerajaan Islam di negara ini serta menjadikan mereka sebagai rakan strategik bagi menjayakan visi dan misi YADIM, di samping menyumbang kepada pembangunan ummah.

YADIM komited untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara contoh patuh Syariah, yang boleh dijadikan rujukan kepada negara lain di peringkat antarabangsa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG LING BIU**  
**[SARIKEI]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 41**

**Y.B. TUAN WONG LING BIU [ SARIKEI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramaikah yang layak menerima Bantuan Sara Hidup (BSH) di Sarawak dan berapa ramaikah penerima BSH dari kawasan P208 Parlimen Sarikei.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bantuan Sara Hidup (BSH) merupakan salah satu bantuan bersasar bagi golongan berpendapatan rendah (B40) meringankan kos sara hidup mereka di samping membuktikan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan terhadap golongan yang memerlukan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada rakyat.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, tempoh pendaftaran/pengemaskinian BSH tahun 2019 telah dibuka mulai 1 Februari 2019 hingga 15 Mac 2019. Sepertimana yang diumumkan oleh Kerajaan, BSH 2019 dijangka memanfaatkan lebih daripada 4 juta isi rumah dan melibatkan peruntukan hampir RM5 bilion. Sehingga 3 Mac 2019, lebih daripada 1.5 juta permohonan BSH 2019 telah diterima merangkumi 310,000 permohonan baharu dan 1.19 juta permohonan kemas kini. Secara amnya, isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,000 sebulan layak untuk menerima BSH. Pendekatan BSH adalah selaras dengan keprihatinan Kerajaan untuk menyasarkan bantuan hanya kepada golongan yang layak menerimanya, iaitu golongan yang amat perlukan bantuan bagi menghadapi kos sara hidup.

Tuan Yang Dipertua,

3. Jumlah penerima BSH di Sarawak adalah dianggarkan seramai 750 ribu berdasarkan kepada pembayaran BSH fasa pertama pada 28 Januari 2019 kepada 440 ribu isi rumah yang berkeluarga dan bayaran *one-off* pada hujung bulan Mac 2019 kepada 310 ribu individu di bawah kategori bujang menggunakan pangkalan data BSH 2018.
4. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan memastikan semua bantuan Kerajaan adalah berkesan dan menepati kumpulan sasar yang ditetapkan terutamanya golongan B40.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 42**

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang telah dan akan diambil dalam usaha untuk membanteras kegiatan judi nombor 4D tanpa lesen di negara ini, kerana kewujudannya telah menjelaskan agensi nombor ramalan berlesen dan seterusnya menjelaskan hasil kutipan cukai Kerajaan

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian seperitimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari

## **SOALAN NO : 42**

melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Sejak arahan yang dikeluarkan oleh YDH Ketua Polis Negara pada 20 Julai 2018 dan sehingga kini seramai 12 orang pegawai telah ditukarkan secara serta merta kerana didapati aktiviti perjudian haram masih lagi beroperasi dalam daerah berkenaan. Pertukaran tersebut melibatkan Ketua Polis Daerah (KPD), Timbalan Ketua Polis Daerah (T/KPD), Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD), Pegawai Turus D7 Kontinjen, Ketua Polis Balai (KPB) dan Pegawai Risikan dan Operasi (RO) Jenayah Daerah.

Selain melakukan operasi pembenterasan secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah undang-undang pencegahan (POCA) jika tiada keterangan yang mencukupi untuk dituduh di Mahkamah. Statistik tindakan yang telah diambil di bawah POCA sejak tahun 2014 sehingga Februari 2019 atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian haram mengikut kontinjen adalah sebanyak 131 kes bagi judi online/ mesin judi. Judi loteri haram sebanyak 113 kes, judi bookie sebanyak 1 kes dan judi tempat bebas/ dalam bangunan sebanyak 12 kes. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 257 kes.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU  
[TUARAN]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 43**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan menyatakan apakah perancangan dan keutamaan Kerajaan untuk meningkatkan lagi ekonomi Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memberi perhatian bagi meningkatkan tahap pembangunan di seluruh negara bagi meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan semua rakyat, termasuk di negeri Sabah. Usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri telah diberi penekanan dalam Tonggak Ke-3 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keselelas (KSP RMKe-11), iaitu Menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang Seimbang. Dalam usaha mempercepat pembangunan di Sabah, strategi Kerajaan tertumpu kepada:
  - i) Mempergiat pertumbuhan ekonomi dan perancangan pembangunan;
  - ii) Mempertingkat infrastruktur untuk menambah baik ketersambungan;
  - iii) Memperluas akses kepada infrastruktur, ameniti dan perkhidmatan asas;
  - iv) Menambah peluang pekerjaan; dan
  - v) Meningkatkan pembangunan tanah adat.
2. Dalam tempoh dua tahun terakhir RMKe-11, peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan akan diagih dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun, termasuk negeri Sabah. Di bawah *Rolling Plan 4 (2019)* RMKe-11, negeri Sabah telah pun diperuntukkan sejumlah RM5.01 billion atau 9.2% daripada jumlah peruntukan pembangunan keseluruhan. Jumlah peruntukan ini telah meningkat 21.3%, iaitu sebanyak RM879 juta daripada tahun sebelumnya (RM4.13 billion pada 2018). Peruntukan tersebut bagi melaksanakan sebanyak 119 projek baharu dan 519 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.
3. Sektor ekonomi terpilih yang boleh meningkatkan potensi ekonomi akan terus dibangunkan dengan memanfaatkan sumber kekayaan yang dimiliki Sabah. Dalam hal ini, beberapa projek berimpak tinggi sedang dilaksanakan oleh Kerajaan bagi pembangunan

negeri Sabah. Antaranya adalah projek Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit (*Palm Oil Industrial Cluster*) di Sandakan dan Lahad Datu serta pembinaan blok dan kompleks 50 inkubator di Sabah Agro-Industrial Presinct (SAIP) di Papar. Projek ini akan menjadi pemangkin kepada perkembangan industri pembuatan dan pertanian di negeri Sabah.

4. Di samping itu, Kerajaan juga berusaha untuk meningkatkan tahap sosioekonomi dan kualiti hidup penduduk luar bandar Sabah dengan memastikan akses kepada kemudahan asas dan perkhidmatan. Dalam hal ini, sebanyak RM1.15 bilion telah diluluskan di bawah peruntukan RP3 dan RP4 RMKe-11 untuk pembangunan luar bandar Sabah. Peruntukan ini adalah bagi melaksanakan program/projek seperti Jalan Luar Bandar (JALB), Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Jalan Perhubungan Desa melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).
5. Selain itu, bagi meningkatkan bekalan elektrik di Sabah, Kerajaan melalui Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) juga telah meluluskan peruntukan pembangunan sebanyak RM497.90 juta pada tahun 2019 bagi melaksanakan 46 projek (secara geran) dan 3 projek (secara pinjaman) bagi pembinaan pencawang masuk utama (PMU), pencawang pembahagi utama (PPU) dan pengukuhan sistem sedia ada.
6. Secara amnya, usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang merentasi semua negeri diharap akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
27 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 44**

**Tuan Wong Kah Woh [ Ipoh Timur ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan maklumat terperinci berkenaan dengan kontrak Kerajaan yang diberikan pada tahun 2017 kepada Utusan Malaysia untuk menjadi pembekal Komputer tablet kepada guru-guru di seluruh negara dan kos yang terlibat, termasuk kos setiap satu tablet yang dibekalkan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di bawah kerajaan terdahulu telah menguruskan perolehan dan pembekalan tablet kepada guru-guru di bawah KPM yang berjumlah sebanyak RM50 juta menggunakan dana daripada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Perpindahan urusan perolehan dan perbekalan tersebut daripada SKMM kepada KPM telah dipersetujui oleh mantan Perdana Menteri pada 22 April 2016.

Pada 17 Mei 2016, KPM telah bersetuju agar perolehan Projek Pembekalan Tablet Berserta Perisian Tutor Guru dan E-Paper Utusan Malaysia dilaksanakan secara rundingan terus dengan pihak Utusan Melayu (Malaysia) Berhad.

Projek pembekalan dibuat secara berperingkat melibatkan tujuh (7) fasa, Seramai 308,603 guru telah menerima tablet tersebut untuk digunakan bagi tujuan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Namun begitu, perolehan bagi fasa ketujuh (7) masih belum dimulakan kerana masih belum menerima penurunan peruntukan dari SKMM. Harga setiap unit adalah sebanyak RM835.00.

Sekian, terima kasih

RJM 85

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN [ KEPALA BATAS ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 | RABU**

**SOALAN**

**Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [ Kepala Batas ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status Kewangan Tabung Haji sebagai satu instrument pelaburan dan sejauh manakah kemerosotan ini memberi impak kepada pengurangan atau penambahan bantuan kepada jemaah haji bagi tahun ini.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Dipertua,

Setelah pelan pemulihan dan penstrukturran dilaksanakan, status Kewangan Lembaga Tabung Haji telah bertambah kukuh.

Melangkah kehadapan, pengurusan pelaburan yang lebih mapan dan berhemat akan diamalkan bagi menjana pendapatan yang stabil bagi menanggung kos operasi dan membuat agihan hibah.

Lembaga Tabung Haji mampu untuk menanggung semua kos mengurus operasi haji dan kos berkaitan khidmat kebajikan jemaah haji seperti kos bimbingan dan kursus haji, petugas haji, perubatan, kaunseling dan lain-lain. Kos haji tidak langsung ini kini berjumlah sekitar RM60 juta setahun dan boleh ditampung melalui pendapatan yang dijana daripada pelaburan yang dibuat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN  
DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]  
TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)

**SOALAN NO. 46**

Datin Paduka Dr.Tan Yee Kew [ Wangsa Maju ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan keperluan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memperbaharui permohonan bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) pada setiap tahun kerana ia boleh dilanjutkan ke dua atau tiga tahun sekali supaya dapat mengurangkan kesulitan perjalanan bagi mereka yang cacat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) menyediakan perkhidmatan bantuan kewangan kepada golongan miskin dan berkeperluan termasuk golongan OKU. Terdapat 8 (lapan) skim Bantuan Persekutuan dengan kriteria kelayakan dan kadar yang berbeza. Bantuan kepada golongan OKU adalah untuk OKU yang bekerja, tidak berkemampuan untuk bekerja dan penjagaan kepada OKU terlantar. Setiap kategori bantuan ini berbeza dari segi penilaian syarat kelayakan dan justifikasi untuk dipertimbangkan bantuan tersebut.

Bantuan yang diberikan hanya untuk tempoh sementara dan boleh ditamatkan pada bila-bila masa sekiranya terdapat perubahan status sosioekonomi atau apa-apa juga sebab yang menyebabkan penerima tidak layak lagi menerima bantuan. Setiap bantuan bulanan yang diluluskan adalah dalam tempoh satu (1) tahun sahaja dan adalah menjadi tanggungjawab penerima bantuan untuk mengemas kini maklumat melalui Borang Kaji semula (JKM20) dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tempoh bantuan tamat. Kemas kini maklumat ini perlu dilakukan oleh penerima bantuan bulanan sedia ada disebabkan keperluan berikut:

- i) Memastikan kebijakan dan kesejahteraan penerima bantuan terus terpelihara;
- ii) Mendapatkan maklumat terkini terhadap sebarang perubahan terutama dari segi alamat perhubungan dan nombor telefon bagi memudahkan maklumat disampaikan;
- iii) Menilai sebarang perubahan dari segi sosioekonomi penerima bantuan bagi membolehkan bantuan yang lebih baik diberikan;
- iv) Mengenal pasti permasalahan utama yang dihadapi oleh penerima bantuan bagi membolehkan bimbingan yang lebih terlaras dan sesuai diberikan;

**SOALAN NO. 46**

- v) Memastikan penerima bantuan masih hidup bagi mengelakkan bayaran bantuan terus dibuat dan ini dapat mengelakkan ketirisan wang kerajaan;
- vi) Elemen kerja sosial dapat dilakukan di mana merapatkan perhubungan di antara pegawai kes dengan penerima bantuan

Tempoh kelulusan dalam masa 1 tahun adalah paling sesuai untuk mengesan perubahan hidup atau perubahan sosioekonomi penerima-penerima bantuan. Di samping itu, kajian semula ini dilaksanakan oleh pekerja kes dan bukan penerima bantuan perlu datang ke pejabat terutama bagi kes-kes OKU kronik dan terbatas aksesnya kepada kemudahan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
[PORT DICKSON]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN NO.48**

**Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [ Port Dickson ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi menjadikan pengurusan GLC menepati piawaian antarabangsa serta usaha yang dilakukan Kerajaan bagi memberikan latihan, pendedahan dan peluang kepada kelompok rakyat yang tersisih.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

- a. Syarikat-syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC), khususnya GLC yang tersenarai awam milik Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) sememangnya ditadbir mengikut mengikut piawaian antarabangsa dan tertakluk kepada peraturan serta garispanduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan pengawal selia tempatan termasuk Suruhanjaya Sekuriti, Bursa Malaysia, Suruhanjaya Syarikat dan sebagainya. Selain daripada penyeliaan luaran, GLC turut ditadbir oleh Lembaga Pengarah syarikat masing-masing yang memastikan ia sentiasa memegang teguh kepada tadbir urus dan piawaian yang ditetapkan.

## SOALAN NO. 48

Sebarang kelemahan dalam tadbir urus korporat syarikat akan dikenal pasti dan ditangani bagi mengelakkan daripada sebarang salah laku. Ini termasuk memperkuuhkan fungsi Jawatankuasa Audit pada peringkat Lembaga Pengarah selain memastikan Lembaga Pengarah dan Pengurusan terdiri daripada individu yang berintegriti dan berkaliber.

Ini adalah antara langkah pemantauan dan pengurusan yang diambil untuk memastikan semua urus niaga GLC dijalankan secara adil dan telus untuk mencegah sebarang eksplotasi serta meningkatkan keberkesanan di GLC.

b. Dalam pada itu, dalam usahanya untuk menunaikan tanggungjawab sosial (CSR), Khazanah telah menubuhkan Yayasan Hasanah (Hasanah), sebuah yayasan berasaskan impak yang memfokuskan kepada inisiatif CSR dalam lima bidang utama, iaitu:

- i. Pendidikan;
- ii. Seni warisan dan budaya;
- iii. Pembangunan komuniti;
- iv. Alam sekitar; dan
- v. Ilmu pengetahuan.

Antara usaha Hasanah serta rakan-rakan NGO bawahnya yang menjurus kepada memperlengkapkan masyarakat golongan B40 dengan kemahiran, pendedahan serta peluang untuk mempertingkatkan diri dan kehidupan masing masing sepanjang tahun 2017 yang **mengfokuskan kepada dua bidang utama** seperti berikut:

### i. **Pendidikan**

- a. Peruntukan khusus Biasiswa Bestari Khazanah, Biasiswa Global Khazanah dan Biasiswa Watan Khazanah untuk pelajar daripada keluarga B40 (Yayasan Khazanah)

## **SOALAN NO. 48**

- b. Menyediakan 40 kursus latihan dalam pelbagai kemahiran vokasional untuk golongan belia B40 (*MySkills Foundation*); dan
- c. Menyampaikan 800 jam kelas tuisyen kepada 200 pelajar UPSR dalam kalangan B40 daripada kaum India (*Child Imformation Learning and Development Centre*)

### **ii. Pembangunan Komuniti**

- a. Meningkatkan kualiti kehidupan golongan B40 menerusi pendekatan berasaskan komuniti bagi meningkatkan kemampuan mereka untuk berdikari (Yayasan Sejahtera); dan
- b. Menyediakan latihan keusahawanan untuk golongan wanita terjejas (Women of Will)

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [ KANOWIT ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 50**

**Datuk Aaron Ago Dagang [ Kanowit ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa judi haram seperti "illegal 4Ds, Online gambling, sabung ayam, dan lain-lain adalah sudah menjadi satu masalah amat serius di Sarawak yang seterusnya menyebabkan banyak masalah sosial, gangsterisme, dadah, dan lain-lain. Berapakah jumlah kes yang dilaporkan setiap tahun dan apakah tindakan kerajaan dalam mengatasi masalah ini

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia( PDRM) amat komited dalam menangani judi haram di dalam negara sehingga ke akar umbi. PDRM mengambil maklum segala pandangan yang disuarakan oleh pelbagai pihak dan akan melipatgandakan lagi usaha untuk memastikan kemelut perjudian haram ini dapat dibendung dengan lebih berkesan.

Pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk memerangi aktiviti perjudian seperitimana pengumuman oleh Ketua Polis Negara (KPN) pada 20 Julai 2018 telah mengarahkan semua Ketua Polis Negeri untuk membuka bilik gerakan khas bertujuan menerima aduan daripada masyarakat

## **SOALAN NO : 50**

berhubung kegiatan judi di kawasan mereka. Masyarakat boleh membuat aduan secara terus kepada bilik gerakan yang beroperasi 24 jam sehari melalui talian yang telah disediakan. Selain itu Ketua Polis Daerah akan dipertanggungjawab sepenuhnya jika didapati masih terdapat aktiviti perjudian masih berlaku dalam daerahnya, tindakan drastik akan diambil dengan menukarkannya secara serta merta dan tindakan tatatertib juga akan diambil jika siasatan yang dijalankan mendapati beliau terlibat dalam melindungi dalang perjudian haram ini.

Selain melakukan operasi pembenterasan secara berterusan, tindakan yang tegas juga diambil kepada sindiket-sindiket yang terlibat dalam menganjur aktiviti perjudian haram di bawah undang-undang pencegahan (POCA) jika tiada keterangan yang mencukupi untuk dituduh di Mahkamah. Statistik tindakan yang telah diambil di bawah POCA sejak tahun 2014 sehingga Februari 2019 atas kesalahan menjalankan aktiviti perjudian haram mengikut kontinjen adalah sebanyak 131 kes bagi judi online/ mesin judi. Judi loteri haram sebanyak 113 kes, judi bookie sebanyak 1 kes dan judi tempat bebas/ dalam bangunan sebanyak 12 kes. Jumlah keseluruhan kes yang dilaporkan adalah sebanyak 257 kes. Statistik tangkapan dan rampasan bagi kegiatan judi loteri haram di seluruh Sarawak bagi tahun 2018 adalah sebanyak 1796 tangkapan dengan jumlah rampasan wang sebanyak RM588,469.00.

Usaha yang lebih berkesan untuk menangani aktiviti perjudian haram daripada terus wujud atau beroperasi semula lebih tertumpu kepada penglibatan masyarakat dalam menyalurkan maklumat kepada pihak polis dan kesedaran masyarakat umum itu sendiri untuk menghindari aktiviti yang tidak sihat ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT  
[ LUBOK ANTU ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 45**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan pandangan berkenaan dengan pembangunan ekonomi asas terutamanya di Kompleks ICQS Lubok Antu, bagi tujuan menaik taraf ekonomi tempatan di kawasan sempadan Malaysia-Indonesia dan khasnya Lubok Antu.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan melalui Kajian Separuh Penggal, Rancangan Malaysia Kesebelas telah merangka pelbagai usaha dan strategi bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang antaranya dengan memperkuuh kerjasama serantau ASEAN. Platform kerjasama serantau seperti Kawasan Pembangunan Asia Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) akan dipergiat bagi mempercepat dan memudah cara aktiviti ekonomi di kawasan sempadan. Di bawah platform ini, Koridor Ekonomi Borneo Barat (WBEC) telah diwujudkan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi merentas sempadan melibatkan kesalinghubungan, pelancongan, pertanian dan perdagangan. Pembukaan Kompleks CIQS baharu di Nanga Badau, Indonesia dan Lubok Antu, Malaysia telah memudahkan pergerakan penduduk dan kargo di wilayah koridor ekonomi ini terutamanya untuk pengangkutan minyak sawit melalui jalan darat dari Kalimantan ke Sarawak untuk dieksport melalui Pelabuhan Tanjung Manis.
2. Dalam hubungan ini, ekonomi tempatan dilihat mempunyai potensi untuk dibangunkan melalui rantaian nilai aktiviti hiliran seperti pengeluaran dan pemprosesan minyak sawit. Segala program dan projek kerjasama yang dilaksanakan pada peringkat tempatan dan antarabangsa diharap dapat membantu usaha pembangunan di Lubok Antu serta meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
27 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [ KUDAT ]**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 52**

**Datuk Abd Rahim bin Bakri [ Kudat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini kelulusan pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan Pitas dan bilakah perlaksanaan pembinaan asrama ini dapat dimulakan memandangkan ramai pelajar luar bandar datang dari pelosok kampung yang jauh, golongan miskin dan perlu bantuan kemudahan tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa projek pembinaan asrama SMK Pinggan-Pinggan telah diluluskan di bawah projek baharu *Rolling Plan Keempat* (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) tahun 2019. Projek tersebut akan dilaksanakan oleh pihak JKR dan kini sedang di peringkat prapembinaan.

Sekian, terima kasih

RJM 87

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 53**

**Tuan Wong Chen [ Subang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Menteri boleh bersetuju dan bersedia untuk mengarahkan pegawai-pegawai di Kementerian Dalam Negeri memberi jawapan yang lebih terperinci sebab-sebab penolakan permohonan kewarganegaraan. Jawapan terperinci daripada Kementerian akan dapat membantu pemohon mengatur tindakan selanjutnya yang wajar diambil.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Setiap keputusan ke atas permohonan kewarganegaraan adalah di bawah bidang kuasa YB Menteri Dalam Negeri selaras dengan ketetapan dalam Jadual Kedua, Bahagian III, Perlembagaan Persekutuan. Manakala bagi permohonan kewarganegaraan yang telah siap diproses dan mendapat keputusan tolak, sebab-sebab sesuatu permohonan kewarganegaraan itu ditolak tidak dimaklumkan kepada pemohon adalah atas tujuan keselamatan maklumat yang sulit dan terperingkat selaras dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan 1972. Kementerian Dalam Negeri ingin menegaskan bahawa pemberian kewarganegaraan adalah anugerah tertinggi kerajaan dan hak eksklusif yang tidak ditawarkan serta diberikan dengan sewenang-wenangnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL  
[SUNGAI PETANI]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 54**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan bagaimana kedudukan kewangan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan apakah rancangan Kerajaan bagi menyusun semula pengurusan dan operasi FELCRA.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, saya akan menerangkan terlebih dahulu kedudukan kewangan FELCRA bagi tahun 2014 sehingga 2018 bagi melihat kedudukan kewangan FELCRA secara keseluruhannya. Penyata kewangan FELCRA bagi tahun berakhir 31 Disember 2014 (*audited*) telah merekodkan kedudukan tunai berjumlah RM1.1 billion, aset semasa bersih bernilai RM869.5 juta dan pendapatan sebanyak RM1.75 billion. Manakala bagi Penyata Kewangan FELCRA bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 (*un-audited*) telah merekodkan kedudukan tunai berjumlah RM106 juta, liabiliti semasa bersih RM50.6 juta dan pendapatan sebanyak RM1.39 billion.
2. Berdasarkan perbandingan kedudukan kewangan FELCRA bagi tempoh 2014 hingga 2018, penurunan yang ketara terutamanya di dalam kedudukan tunai FELCRA sebanyak RM994 juta direkodkan. Justeru itu, Pengurusan FELCRA Berhad (FELCRA) telah mengambil beberapa inisiatif penyusunan semula pengurusan dan operasi Syarikat selaras dengan pembentukan pasukan pengurusan baru sejurus selepas Pilihanraya Umum yang ke-14 yang lalu seperti berikut:
  - (i) Inisiatif pertama yang diambil adalah penyusunan semula dan perlantikan Lembaga Pengarah baru yang terdiri daripada ahli-ahli profesional pelbagai bidang tanpa perlantikan berpengaruhkan politik.
  - (ii) Inisiatif kedua adalah penyusunan semula struktur organisasi bertujuan memperkemaskan pasukan kerja supaya lebih mantap dan lebih fokus kepada bidang-bidang utama operasi Syarikat.
  - (iii) Inisiatif ketiga adalah mengadakan auditan pengurusan secara menyeluruh bertujuan mengenalpasti dan mengesan ketirisan yang berlaku atau sekiranya terdapat sebarang kegagalan mematuhi tadbir urus korporat.

- (iv) Inisiatif keempat adalah menyusun semula dan memperkemaskan pengurusan kewangan FELCRA bermula dengan pembentukan pelan strategi pelaksanaan jangka pendek (2019), jangka sederhana (2020) dan jangka panjang (sehingga 2021).
  - (v) Inisiatif kelima adalah memperbaiki dan memperkasakan hubungan FELCRA dengan Kumpulan Sasar iaitu warga peserta yang seramai lebih daripada 112 ribu orang di seluruh Negara.
3. Berdasarkan inisiatif-inisiatif pengurusan kewangan yang dinyatakan di atas, adalah dijangkakan FELCRA dapat menjamin peningkatan jumlah bayaran keuntungan (dividen) kepada peserta-peserta daripada RM122.82 juta bagi tahun 2018 kepada RM286.58 juta bagi tahun 2019. Unjuran peningkatan ini juga banyak dipengaruhi oleh faktor kecekapan operasi di mana FELCRA mengunjurkan purata produktiviti tahunan kepada 17.91 metrik tan sehektar berbanding 15.74 metrik tan sehektar pada tahun 2018 dan meningkatkan kadar perahan minyak (OER) kepada 20.28% berbanding 19.25% pada tahun 2018. Di samping itu, kedudukan harga komoditi yang lebih baik di pasaran global juga akan membantu pencapaian peningkatan itu.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
27 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED [JELI]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 55**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan status cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Pengkalan Kubor di Kelantan dengan Takbai di Thailand dan bilakah pembinaan jambatan ini akan bermula.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan Thailand untuk membangunkan ekonomi rentas sempadan menerusi pelbagai platform dua hala dan pelbagai hala seperti platform Strategi Pembangunan Bersama Kawasan Sempadan (JDS) Malaysia – Thailand dan Segi Tiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT).
2. Bagi projek Jambatan Pengkalan Kubor, Malaysia - Tak Bai, Thailand, Mesyuarat Penyelaras Projek Ke-4 Jawatankuasa Thailand-Malaysia mengenai Strategi Pembangunan Bersama untuk Kawasan Sempadan pada 12 dan 13 Mac 2018 di Bangkok, Thailand telah bersetuju supaya Jawatankuasa Teknikal Bersama (JTC), yang dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Kerja Raya (KKR), Malaysia dan Jabatan Lebuh Raya (DOH), Thailand membincangkan projek ini. Mesyuarat JTC ini dijangka diadakan dalam separuh pertama tahun 2019 bagi membincangkan aspek-aspek teknikal pembinaan jambatan tersebut.

Sekian, terima kasih.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi  
27 Mac 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [ SIK ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 56**

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kenapa Kementerian masih tidak menubuhkan kembali Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN) dengan fungsi baru iaitu menyelaraskan industri secara menyeluruh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kementerian sedang dalam proses untuk menjalankan kajian pembangunan model baharu industri padi dan beras negara yang meliputi keseluruhan rantaian industri melibatkan petani, pengilang, pemborong, peruncit, Kerajaan dan rakyat keseluruhannya. Kajian dijangka mengambil masa selama enam bulan akan memperincikan keperluan untuk mewujudkan agensi bagi mengawal selia industri padi dan beras.

Selain itu, antara langkah proaktif yang telah dilaksanakan oleh Kementerian termasuklah :

- i) Membangunkan beberapa model pengurusan baharu padi dan beras negara termasuk cadangan oleh pihak swasta, Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MYCC) dan Kementerian;
- ii) Mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh industri daripada peringkat petani, pengilang, pemborong, swasta, NGO dan Jabatan/ Agensi Kerajaan;
- iii) Mendapatkan pandangan serta maklumbalas daripada Majlis Penasihat Pertanian Negara( MPPN);
- iv) Melaksanakan sesi rundingan dengan BERNAS bagi memperincikan cadangan membuka import kepada badan lain.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [ CHERAS ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN :**

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan tahap persiapan Kementerian dalam memastikan program Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia-China Tahun 2020 satu kejayaan yang terbesar dan memberangsangkan dari segi pencapaian kemajuan yang bermakna peningkatan ketibaan pelancong-pelancong China ke Malaysia di samping menggalakkan hubungan dua hala antara Malaysia dan China.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Pada tahun 2018, seramai 2.9 juta pelancong pelancong China telah mengunjungi Malaysia di mana ianya telah menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu sebanyak 29.0% berbanding tahun 2017. Pelancong dari negara China merupakan, pasaran ke tiga terbesar selepas Singapura dan Indonesia.

Semasa lawatan rasmi YAB Perdana Menteri Malaysia ke China pada 20 Ogos 2018 melalui kenyataan bersama telah mengumumkan tahun 2020 sebagai Tahun Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia-China. Program ini adalah bertujuan bagi memperkuat, mendalamai dan memperluas kerjasama dua hala di antara Malaysia dan China dalam bidang kebudayaan dan pelancongan ke arah menggalakkan perhubungan yang lebih akrab dalam kalangan rakyat dan pertumbuhan sosio ekonomi yang mampan, serta memupuk persefahaman yang lebih jitu di antara kedua-dua buah negara.

Persiapan bagi program Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia-China Tahun 2020 ini diterajui oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dengan kerjasama agensi-agensi di bawahnya. Kementerian sedang merangka beberapa inisiatif dan strategi bagi menjayakan kempen ini. Antara yang telah dikenalpasti dan sedang diperhalusi adalah mempertingkatkan perhubungan udara, memperkasa aktiviti promosi dan pemasaran di pasaran China, meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan khusus untuk pelancong China dan juga menyediakan insentif sebagai galakan kepada pemain industri dan sebagainya

Bagi aspek promosi pelancongan, Kementerian menerusi Tourism Malaysia telah mengenalpasti aktiviti promosi utama pada tahun 2020 seperti berikut:

1. Majlis perasmian Tahun Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia-China 2020 di Beijing pada bulan Januari 2020;
2. Program '*Make it Malaysia*' iaitu program lawatan dan seminar produk pelancongan Malaysia kepada pengusaha pelancongan, wakil media, wakil syarikat penerbangan dan *Key Opinion Leader* (KOL) dari China pada bulan Jun 2020; dan
3. Misi Galakan Pelancongan ke China bersempena penyertaan Tourism Malaysia di Ekspos Pelancongan Utama di China iaitu *China International Tourism Industry Expo* di Guangzhou pada bulan September 2020 dan *China International Travel Mart* di Shanghai pada bulan November 2020.

Di samping itu, Tourism Malaysia melalui kempen pengiklanan dan kempen promosi usahasama dengan agensi pelancongan dan syarikat penerbangan di China akan memuatkan maklumat Tahun Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia-China 2020 sebagai usaha publisiti bagi menyokong program dua hala tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDULLAH SANI BIN  
ABDUL HAMID [ KAPAR ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 | RABU**

**SOALAN :**

**Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kapar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah sebenar kos untuk menunaikan haji bagi setiap rakyat Malaysia dan berapa pula subsidi yang diberikan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI )**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman, kos mengerjakan haji (Kos Haji) untuk jemaah haji Muassasah bagi Musim Haji 1440 Hijrah adalah RM22,900 seorang.

Bayaran Haji bagi jemaah haji Muassasah yang menunaikan haji buat pertama kali kekal pada RM9,980 seorang.

Lembaga Tabung Haji akan menanggung Subsidi Haji berjumlah RM12,920 untuk setiap jemaah yang layak mendapat subsidi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN  
[ KENINGAU ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 [ RABU ]**

**SOALAN NO. 59**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah pembinaan Balai Bomba Pekan Bingkor akan mula dilaksanakan memandangkan kertas cadangan tapak pembinaan Balai Bomba Bingkor berkenaan telah pun disiapkan oleh pihak yang berkenaan termasuk pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia zon Keningau.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) merancang pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat mengikut keperluan risiko kebakaran secara strategik termasuk kawasan sub-urban seperti Bingkor.
  
2. Pada masa ini, JBPM sedang mengenal pasti tapak yang bersesuaian dan strategik bagi pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat Bingkor. Proses perolehan tanah dijangka akan diselesaikan pada tahun 2019. KPKT akan memohon peruntukan bagi pembinaan projek Balai Bomba dan Penyelamat di kawasan Bingkor untuk dimasukkan dalam *Rolling Plan Kelima* (RP5), RMKe-11, Tahun 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[ PERMATANG PAUH]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 60**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan

- (a) statistik jualan kenderaan persendirian pada tahun 2018; dan
- (b) perkembangan perancangan Kementerian menyelesaikan masalah akses kepada pengangkutan awam untuk rakyat terutamanya di kawasan luar bandar dan pelan menyelesaikan isu 'last end mile connectivity' bagi penduduk bandar.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan laporan Persatuan Automotif Malaysia (Malaysian Automotive Association – MAA), bilangan jualan kendaraan penumpang (passenger vehicle) pada tahun 2018 adalah sebanyak 533,202 unit.
2. Perkhidmatan bas berhenti-henti merupakan mod pengangkutan awam utama di kawasan luar bandar. Pengendali bas berhenti-henti mengalami banyak kerugian apabila memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar terutamanya di kawasan-kawasan yang kurang permintaan. Perkhidmatan di laluan-laluan sosial ini walaubagaimanapun dapat diteruskan dengan bantuan yang diberikan oleh Kerajaan melalui skim Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF). Melalui skim ini pengendali-pengendali bas berhenti-henti menerima bantuan untuk memastikan perkhidmatan untuk laluan sosial ini dapat diteruskan.
3. Selain daripada itu, Kerajaan akan memperkenalkan inisiatif terbaru pada 1 April 2019 dengan pelaksanaan diskaun kadar tambang sebanyak 20% bagi perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Ini adalah untuk memastikan faedah dan kemudahan yang sama turut diperolehi oleh rakyat di kawasan luar bandar (perkhidmatan komuter di sektor Utara dan Selatan selain di Lembah Kelang).
4. Pemberian diskaun tersebut merangkumi semua jenis kadar tambang secara tunai mahupun cashless dan dijangka akan manfaatkan kira-kira 94,000 penumpang komuter di 5 jajaran iaitu Padang Rengas – Butterworth, Butterworth – Padang Besar, Port Klang – Tanjung Malim, Seremban – Batu Caves dan Sungai Gadut – Tampin.
5. Pelaksanaan diskaun kadar tambang ini diyakini akan dapat meningkatkan jumlah penumpang komuter antara 120,000 ke 130,000 pengguna sehari.

6. Sementara itu adalah dasar Kementerian untuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT), pengendali bas berhenti-henti dan e-hailing dalam memastikan rakyat mendapat perkhidmatan “first and last mile” yang akan menghubungkan pengguna ke destinasi akhir mereka.
7. Kementerian juga sedar akan saling hubungkait antara perancangan pengangkutan awam dan perancangan bandar dan wilayah samada di peringkat negeri atau di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kementerian telah banyak mengadakan hubungan rapat dan kerjasama dengan kerajaan negeri dan PBT bagi memastikan perancangan yang lebih holistic dengan menyediakan stesen-stesen yang mudah diakses serta selamat dan selesa melalui penyediaan bas pengantara, laluan pejalan kaki, laluan basikal serta fasiliti-fasiliti berkaitan. Buat masa ini, Kementerian Pengangkutan serta Agensi Pengangkutan Awam Darat merupakan ahli jawatankuasa pengangkutan awam darat di peringkat negeri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR**  
**[TANJONG KARANG]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 61**

**Y.B. TAN SRI NOH BIN OMAR [ TANJONG KARANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penyelenggaraan Kapal Equanimity dan kenapa ianya masih lagi disimpan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia, sebuah syarikat pengurus kapal iaitu Wilson Yacht Management Ltd (WYM) telah dilantik pada bulan Ogos 2018 yang lalu bagi menyelenggara kapal Equanimity. Pelantikan ini dibuat berdasarkan kepada pengalaman serta kepakaran syarikat berkenaan dalam menyelenggara kapal-kapal mewah.

Mulai Ogos hingga Disember 2018, jumlah keseluruhan kos yang telah dibelanjakan untuk kapal ini adalah sebanyak kira-kira RM11 juta yang antara lain meliputi bayaran kos penyelenggaraan, pembaikan, bahan api, guaman, insurans serta kos berkaitan proses penjualan kapal. Bagi bulan Januari hingga Mac 2019 pula, jumlah kos yang telah dan akan dibelanjakan untuk kapal ini dianggarkan sebanyak kira-kira RM3.22 juta.

Tuan Yang Dipertua,

Kapal layar Equanimity kini berada di Langkawi di bawah jagaan dan kawalan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Proses penjualan kapal layar tersebut kini memasuki fasa kedua kerana harga bidaan yang diterima pada fasa pertama tidak dapat dipersetujui. Proses penjualan bagi fasa kedua ini dibuat secara *private treaty/ direct sale* dan dijangka berakhir pada 31 Mac 2019.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHANG LIH KANG [ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : 62**

**Tuan Chang Lih Kang [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada maklumat umur, status perkahwinan dan surat beranak rakyat wujud di dalam data base Jabatan Pendaftaran Negara.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) bertanggungjawab mendaftar peristiwa-peristiwa penting setiap individu di Malaysia seperti maklumat kelahiran, kematian, pengangkatan, perkahwinan dan perceraian bagi individu bukan beragama Islam. Disamping itu, JPN juga bertanggungjawab dalam mendaftarkan taraf kewarganegaraan dan seterusnya mengeluarkan dokumen identiti individu dalam bentuk kad pengenalan kepada mereka yang layak. Justeru itu, maklumat seperti tarikh lahir (umur), Sijil Kelahiran yang berlaku di Malaysia dan didaftarkan di JPN, serta status perkahwinan bagi individu bukan beragama Islam direkodkan dan disimpan dalam pangkalan data (*database*) JPN.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. SANTHARA [ SEGAMAT ]**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 63**

Minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan Pakatan Harapan mempunyai rancangan untuk memulakan kerja-kerja menaik taraf Hospital Segamat selaras dengan pengisytiharan Hospital Segamat sebagai hospital pakar. Ini termasuk menaik taraf kemudahan sedia ada dan kemudahan pakar.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Hospital Segamat adalah sebuah Hospital Major yang berkapasiti 314 buah katil dan menawarkan sejumlah 14 disiplin kepakaran oleh pakar residen di dalam bidang Perubatan Am, Ortopedik, Pembedahan Am, Obstetrik dan Ginekologi, Pediatrik, Psikiatri, Anestesiologi, Radiologi, Kecemasan dan Trauma, Otorinolaringologi, Oftalmologi, Patologi, Pergigian Pediatrik serta Pergigian Oral dan Maksilofasial.

Hospital Segamat juga menerima perkhidmatan lawatan pakar di dalam 4 bidang kepakaran iaitu Neurofisiologi (setiap 2 bulan), Nefrologi (setiap 3 bulan), Neurologi (setiap 3 bulan) dan Perubatan Respiratori (setiap 3 bulan).

Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Segamat telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (UPE, MEA) di bawah Rolling Plan 4 (RP4) tahun 2015,

Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh (RMK-10) dengan kos keseluruhan asal yang diluluskan berjumlah RM50,000,000.00. Namun begitu, disebabkan oleh keperluan operasi setelah projek ini disiapkan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (UPE, MEA) pada 23 November 2016 telah meluluskan kos projek baharu iaitu RM90,500,000.00. Skop projek muktamad merangkumi:

- i. Dewan Bedah (4 Bilik Bedah);
- ii. Unit Rawatan Rapi (18 katil);
- iii. *High Dependency Ward* (8 katil);
- iv. *Respiratory Haemodynamics*;
- v. *Central Sterile Supply Department (CSSD)*;
- vi. Jabatan Kecemasan; dan
- vii. Link Bridge.

Projek Pembinaan Bangunan Tambahan Hospital Segamat ini telah ditender dan dilaksanakan secara Reka dan Bina (*Design & Build*). Projek kini dalam pembinaan dan jangka siap pada April 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI**  
**[PADANG SERAI]**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 64**

**Y.B. TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [ PADANG SERAI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kementerian untuk menghapuskan samsu haram di Malaysia. Minuman ini mengandungi purata 38% alkohol dan sebotol samsu bersaiz paling kecil boleh dibeli pada harga RM1.50 sahaja. Kegiatan mengawal alkohol perlu dilihat sebagai tanggungjawab Kerajaan, sektor kesihatan dan masyarakat setempat. Sepertimana semua difahamkan, samsu menjadi salah satu punca utama yang menyebabkan keruntuhan sesebuah institusi keluarga dan imej negara terjejas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pindaan ke atas Akta Kastam 1967 dan Akta Eksais 1976 telah dilaksanakan bagi mengenakan denda yang lebih tinggi dan hukuman mandatori penjara ke atas pesalah yang melakukan kesalahan berhubung pengedaran dan penjualan produk minuman keras secara tidak sah di pasaran.

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) turut menjalankan pemantauan sepanjang masa melalui beberapa siri operasi yang dirancang seperti Ops Gempur, Ops Outlet, Ops Khas Outlet, Ops Pagar, Ops Pacak, Ops Perayaan dan beberapa operasi yang lain bagi mengawal, memantau dan menguatkuasakan undang-undang di bawah kedua-dua Akta tersebut.

Dari segi pengenaan duti eksais, mulai bulan Mac 2016 Kerajaan telah menstruktur semula kadar duti eksais ke atas minuman keras, manakala mulai Oktober 2016, Kerajaan juga telah memansuhkan pengecualian duti eksais ke atas keluaran siap bagi produk *compounded hard liquor* (CHL) untuk memastikan harga jualan produk CHL adalah tidak terlalu rendah dengan tujuan untuk mengurangkan aksesibiliti. Selain itu, Kementerian Kesihatan Malaysia juga mempunyai mekanisme kawalan di bawah Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan Makanan 1985 berhubung dengan penjualan produk minuman keras di pasaran.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**DARIPADA : Tuan Hassan bin Abdul Karim  
[ Pasir Gudang ]**

**SOALAN : 65**

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam usaha untuk mengembalikan keyakinan umum terhadap institusi kehakiman seperti dijanjikan di dalam Manifesto Pakatan Harapan maka bilakah akan ditamatkan kuasa Perdana Menteri dalam mempengaruhi perlantikan hakim-hakim.

**JAWAPAN :      YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN**  
**TIMBALAN MENTERI DI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kepada Perkara 122B (1) hingga (6), pelantikan hakim-hakim adalah di bawah bidang kuasa dan budi bicara Yang di-Pertuan Agong yang bertindak atas nasihat YAB Perdana Menteri, selepas berunding dengan Majlis Raja-Raja. Dalam memberikan nasihatnya, Perdana Menteri perlu berunding dengan pelbagai pihak. Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan seseorang hakim, selain pelantikan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara.
  
2. Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan Hakim Besar Mahkamah Tinggi, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Hakim Besar setiap Mahkamah Tinggi dan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Menteri bagi Negeri Sabah dan Ketua Menteri bagi Sarawak.

**NO. SOALAN: 65**

3. Sebelum memberikan nasihatnya di bawah Fasal (1) tentang pelantikan seseorang hakim selain Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan atau seseorang Hakim Besar, Perdana Menteri hendaklah berunding dengan Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Persekutuan, dengan Presiden Mahkamah Rayuan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke Mahkamah Rayuan dan, jika pelantikan itu ialah pelantikan ke mana-mana satu Mahkamah Tinggi, dengan Hakim Besar Mahkamah itu.
4. Oleh yang demikian kuasa YAB Perdana Menteri dalam pelantikan hakim-hakim adalah hanya boleh dilaksanakan selepas berunding dengan pihak-pihak yang berkaitan.
5. Peranan YAB Perdana Menteri dalam memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong adalah diperuntukkan di bawah Perkara 122B Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu, sebarang perubahan kepada fungsi Perdana Menteri memerlukan pindaan kepada Perkara yang berkaitan dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI (TANGGA BATU)**

**TARIKH : 27 MAC 2019**

**SOALAN : NO. 66**

**PUAN RUSNAH BINTI ALUAI [Tangga Batu]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah struktur atau garis panduan perlaksanaan dasar Kerajaan pusat dan negeri antara Dewan Undangan Negeri (DUN) dan MP kawasan dalam konteks hubungan kerjasama. Adakah berbeza mengikut negeri atau diselaraskan.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK  
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**Tuan Yang di-Pertua,**

Fungsi jentera serta mekanisme perancangan, pelaksanaan dan penilaian program dan projek Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan Daerah diperuntukkan di bawah Arahan No.1, 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan. Arahan ini telah pun diluluskan oleh YAB Perdana Menteri pada 31 Oktober 2018 bagi mewujudkan jentera penyelarasan pelaksanaan yang bertujuan memastikan pelaksanaan dasar, program serta projek Kerajaan khususnya di bawah Rancangan Malaysia Lima Tahun dan inisiatif-inisiatif semasa Kerajaan dapat diselaraskan dengan lebih terancang demi kesejahteraan rakyat dan negara.

Di peringkat Persekutuan, Majlis Tindakan Negara yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri diwujudkan bagi menetapkan dasar dan strategi pelaksanaan pembangunan yang komprehensif, manakala Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Negara bertanggungjawab memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dilaksanakan dengan berkesan selain memastikan pelaksanaan program serta projek pembangunan menepati dasar-dasar Kerajaan.

Majlis Tindakan Negeri dipengerusikan YAB Menteri Besar atau Ketua Menteri atau YB Menteri Persekutuan bertindak sebagai badan utama dalam memastikan keputusan Majlis Tindakan Negara dan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negara dilaksanakan dengan berkesan dan sistematik di peringkat negeri. Selain itu, YB Setiausaha Kerajaan Negeri juga akan mempengarusikan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri bagi menyelaras, memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan program serta projek pembangunan di peringkat negeri selaras dengan dasar-dasar negara berkaitan pembangunan modal insan, sosioekonomi, pembasmian kemiskinan dan pemeliharaan alam sekitar.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN**

**TARIKH : 27.3.2019 (RABU)**

**Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [JULAU]** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan jumlah “Portable Container Systems” untuk bekalan bahan api yang akan di tempatkan luar bandar Sarawak. Jelaskan juga lokasi-lokasi “Portable Container Systems” ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

Operasi “Portable Container Systems” (PCS) adalah merupakan salah satu konsep stesen minyak mudah alih yang lebih mudah dan selamat. **Pembangunan stesen-stesen minyak berkonsep PCS di Sabah dan Sarawak** adalah tertakluk kepada keupayaan pengusaha atau syarikat minyak untuk mengusahakannya.

Kementerian ini berperanan sebagai pemudahcara bagi urusan pelesenan **tertakluk kepada kebenaran daripada State Planning Authority (SPA)**. Bagi menjamin kesinambungan bekalan bahan api terutamanya di kawasan luar bandar, Kementerian mengambil kira faktor geografi, akses kepada bekalan bahan petroleum dan juga kematangan aliran trafik di kawasan tersebut.

Justeru, Kementerian amat mengalu-alukan cadangan membina PCS ini di kawasan luar bandar terutamanya di Sarawak, sehingga kawasan berkenaan bersedia untuk dibina stesen minyak yang kekal. Pada masa ini, Kementerian juga sedang meneliti dan mengkaji lokasi-lokasi yang bersesuaian bagi mengembangkan konsep PCS ini.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO**  
[ BATU KAWAN ]  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 68**

Puan Kasthuriraani A/P Patto [ Batu Kawan ] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah rancangan dan tindakan pihak Kerajaan berhubung aspek perlindungan sosial untuk golongan OKU dan apakah pencapaian terkini daripada Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ada menyediakan bantuan-bantuan berbentuk ‘*cash transfer*’ serta geran keusahawanan bagi golongan OKU seperti elaun khas bagi OKU yang menyertai program Pemulihan Dalam Komuniti sebanyak RM150.00 sebulan; bantuan bagi OKU yang tidak berupaya untuk bekerja sebanyak RM200.00 sebulan; bantuan bagi penjaga atau keluarga OKU sebanyak RM350.00 sebulan; Geran Skim Bantuan Galakan Perniagaan OKU dengan kadar maksimum RM100,000.00 serta Geran Pelancaran sebanyak RM2,700.00 untuk OKU menceburi bidang perusahaan atau perniagaan kecil.

Namun begitu, pendekatan secara holistik dan mampan perlu dilaksanakan bagi menyediakan satu pelan perlindungan sosial menyeluruh kepada golongan rentan, termasuk OKU dan warga emas. Kementerian ingin menyeru kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk mengaktifkan semula Majlis Perlindungan Sosial Negara atau MySPC, yang berperanan sebagai badan induk untuk menyelaras dasar dan pelaksanaan program berkaitan perlindungan sosial secara komprehensif dan bersepadu.

Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah diluluskan oleh Mesyuarat Jemaah Menteri pada 25 Mac 2016 dan dilancarkan pada 9 Ogos 2016. Terdapat 10 Teras Strategik di dalam pelan ini, antaranya adalah meningkatkan aksesibiliti golongan OKU; memperkasakan ekonomi golongan OKU; meningkatkan akses OKU kepada pendidikan; meningkatkan akses OKU kepada kesihatan serta advokasi. Pelaksanaan program-program yang digariskan di bawah Pelan Tindakan OKU ini akan dilaporkan ke dalam Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi OKU yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Kementerian sedang dalam tindakan untuk mendapatkan maklum balas pencapaian program Pelan Tindakan OKU daripada Kementerian dan

agensi berkaitan bagi tahun 2018. Di antara pencapaian utama Pelan Tindakan OKU sebelum ini adalah seperti berikut:

- i) Pelaksanaan audit akses yang diterajui oleh Kementerian Pengangkutan bagi beberapa perkhidmatan dan infrastruktur pengangkutan utama seperti *Mass Rapit Transit* (MRT); *Electric Train Service* (ETS) dan *Kuala Lumpur International Airport 2* (KLIA2);
- ii) Pelaksanaan program pemerkasaan ekonomi di 215 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) sehingga tahun 2017 oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- iii) Pelaksanaan OKU *Talent Enhancement Programme* (OTEP) oleh Kementerian Sumber Manusia, di mana bagi tahun 2016 sehingga 2018, seramai 252 OKU telah dilatih dan 90% daripada jumlah ini telah mendapat pekerjaan;
- iv) Peningkatan jumlah murid berkeperluan khas yang mengikut Program Pendidikan Inklusif di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia ke 29,700 orang pada 2017 berbanding 23,048 orang pada tahun 2016;
- v) Pelancaran Modul '*Live Life, Stay Safe*' oleh Kementerian Kesihatan Malaysia berkaitan kesedaran dan keselamatan berkaitan kesihatan seksual di kalangan kanak-kanak dan remaja berkeperluan khas bagi Zon Tengah pada November 2017; dan
- vi) Menjalankan bengkel *Disability Equality Training* (DET) di lapan (8) agensi kerajaan bagi tahun 2016 dan 2017.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan program-program di bawah Pelan Tindakan OKU ini masih belum mencapai tahap yang memberansangkan, terutama sekali dari segi peningkatan aksesibiliti dan mobiliti kepada golongan OKU dari aspek persekitaran fizikal, perkhidmatan perbankan dan insurans, pendidikan dan pekerjaan; serta advokasi. Kementerian bercadang untuk mengadakan kajian separuh penggal ke atas Pelan Tindakan OKU tersebut pada tahun ini bagi membuat penilaian menyeluruh mengenai program-program dan agensi peneraju, serta memperhalusi mekanisme pemantauan dan pelaporan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH**  
**KAWASAN : SANDAKAN**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 69**

Minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pelan Kerajaan Persekutuan untuk menarik pelaburan ke Sandakan. Berapa pelaburan yang telah berjaya dilaksanakan di Sandakan setakat ini sejak pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri akan terus berusaha untuk menarik pelaburan berkualiti ke dalam negara terutamanya dalam industri-industri yang disasarkan.
2. Kerajaan Persekutuan juga sentiasa berusaha untuk memastikan taburan projek-projek pelaburan yang lebih seimbang di seluruh negara termasuklah ke Sandakan, walaupun keputusan untuk menempatkan satu-satu projek pelaburan merupakan keputusan perniagaan oleh pelabur sendiri berdasarkan kajian pasaran yang dijalankan oleh pelabur.
3. Usaha ini adalah selaras dengan strategi pembangunan wilayah yang seimbang yang digariskan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas. Justeru, MITI bertindak menyelaras dan membantu menarik pelaburan yang dibawa masuk oleh Kerajaan supaya seimbang termasuk ke kawasan-kawasan kurang membangun di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
4. Bagi menyokong usaha ini, Kerajaan telah memperkenalkan insentif khas bagi menggalakkan kemasukan pelabur di kawasan kurang membangun. Insentif Bagi Kawasan Kurang Membangun misalnya ditawarkan khas kepada pelabur di mana pelabur diberi pakej insentif tambahan berbanding pelabur di kawasan-kawasan yang lebih membangun.

5. MITI juga aktif terus aktif menganjurkan program-program promosi pelaburan ke kawasan-kawasan kurang membangun dengan menumpukan kepada kekuatan dan potensi di sesuatu kawasan terbabit termasuklah di Sandakan. MITI melalui MIDA akan mengadakan beberapa aktiviti pelaburan di Sabah pada tahun 2019 seperti berikut:
- (i) Menganjurkan Seminar Penggalakan Pelaburan Tempatan untuk:
    - memberi pendedahan kepada syarikat-syarikat di Sabah mengenai polisi semasa, galakan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan;
    - menyediakan platform ‘networking’ di antara para peserta dengan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan; dan
    - menyediakan peluang kepada para peserta untuk berbincang mengenai potensi perniagaan.
  - (ii) Bekerjasama dan membantu dalam penganjuran Sabah Oil and Gas Conference and Exhibition dan International Biomass Conference Malaysia di Sabah;
  - (iii) Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat tempatan yang berpotensi untuk projek pembesaran dan/atau projek pelbagai di dalam sektor makanan, teknologi hijau, kimia, mesin, pelancongan dan pendidikan; dan
  - (iv) Menganjurkan program SME Investment Desk. Program ini merupakan satu platform untuk membantu dan memberi nasihat kepada Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) mengenai inisiatif dan fasiliti Kerajaan bagi meningkatkan keupayaan dan produktiviti mereka. Program ini akan diadakan di Sandakan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

6. Untuk makluman, dalam tempoh Mei hingga Disember 2018 tiada projek pelaburan yang telah dilaksanakan di Sandakan. Walau bagaimanapun, 3 projek perkilangan di dalam sektor sektor pembuatan makanan dan logam dengan jumlah pelaburan sebanyak RM43.8 juta telah diluluskan pada tahun 2018 di Sandakan. Pelaburan ini dijangka akan menjana 114 peluang pekerjaan.
7. Secara keseluruhan, bagi negeri Sabah, sebanyak 13 projek perkilangan dengan jumlah pelaburan sebanyak RM227.3 juta telah diluluskan dalam tahun 2018. Pelaburan ini dijangka akan menjana 620 peluang pekerjaan. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan ini, 5 projek melibatkan pelaburan asing dengan jumlah pelaburan sebanyak RM45.9 juta. Sektor utama yang melibatkan pelaburan asing tersebut adalah sektor perkayuan, pembuatan makanan, produk bukan logam, logam dan pembuatan kertas.

**Tuan Yang di-Pertua,**

8. Kerajaan akan terus bekerjasama dengan semua pemegang taruh atau dengan izin *stakeholders*, termasuk pemain-pemain industri, dalam menambahbaik dasar dan strategi pelaburan bagi memastikan negara terus menawarkan persekitaran pelaburan yang kondusif. Sumber-sumber pelaburan baharu yang berkualiti tinggi akan terus diterokai sementara sumber-sumber pelaburan tradisi yang berdaya saing dikekalkan dalam memastikan rakyat di semua kawasan, termauk di Sandakan dapat terus menikmati limpahan aktiviti ekonomi melalui peluang peniagaan dan pekerjaan berkualiti tinggi yang diwujudkan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM**  
**KAWASAN : SERIAN**  
**TARIKH : 27 MAC 2019 (RABU)**

**SOALAN :**

**YB DATO' SRI DR. RICHARD RIOT ANAK JAEM** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan raya Persekutuan Tebedu/Serian yang sempit akan dinaiktaraf kepada lorong jalan.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Di Pertua, jumlah panjang jalan Persekutuan di Bahagian Serian yang disenggara oleh syarikat konsesi adalah sepanjang **109.2 kilometer**. Kementerian ini telah melaksanakan penyenggaraan rutin di Bahagian Serian ini dengan memperuntukkan sebanyak **RM 3.5 juta** setahun dan peruntukan bagi penyenggaraan berkala daripada tahun 2016 hingga 2018 adalah berjumlah **RM 4.5 juta**.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jalan Serian ke Tebedu, Sarawak yang dimaksudkan ialah Jalan Persekutuan (FR 21). Berdasarkan semakan stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service, LOS*) berada pada tahap LOS A. Oleh yang demikian, tiada keperluan untuk menaiktaraf jalan tersebut pada masa kini memandangkan aliran trafik masih lancar serta mampu ditampung oleh jalan sedia ada. Disamping itu juga cadangan ini juga tidak tersenarai di dalam cadangan projek keutamaan Kerajaan Negeri Sarawak. Walau bagaimanapun, Kementerian ini bersedia menerima cadangan projek tersebut dari pihak Kerajaan Negeri untuk diangkat dalam Rolling Plan yang akan datang **sekiranya cadangan projek ini telah memenuhi keperluan teknikal untuk dinaiktaraf kelak.**

Sekian, terima kasih.